that prompted the amendment of Article 125A to the present Constitution. Apakah sebabnya? What are the reasons, dan tidak ada dinyatakan di sini dan tidak ada kita dengar di mana-mana pihak pun apa sebabnya perlu pindaan 125A. Ini bukan declaratory. Ini adalah meminda undang-undang yang ada sekarang. Oleh kerana tidak ada Huraian yang terang dan jelas maka timbullah berbagai-bagai spekulasi, lebih-lebih lagi dengan keadaan negara kita sekarang ini menghadapi banyak musuh. Musuh negara di kiri, kanan, di semua aspek dan angle ada musuh. Maka pindaan-pindaan semacam ini boleh digunakan oleh musuh untuk mengelirukan fikiran rakyat seolah-olah Kerajaan ada bad intention, ada mempunyai satu muslihat. Yang sebenarnya tidak ada, Kerajaan tidak ada muslihat yang jahat (bad intention), tetapi oleh kerana Huraian tidak terang, tidak nyata, maka timbul spekulasi, maka timbullah anasir-anasir subversif cuba mempengaruhi pendapat-pendapat rakyat dan nyatakan bahawa tujuan New Article 125A ini ialah ada muslihat, kerana ada satu kes yang kita semua tahu di mana seorang Hakim Federal mendengar kes jenayah di Mahkamah Tinggi. Sudah tentu rakyat menyatakan inilah sebabnya, sungguhpun kita di sini tahu bahawa itu bukan sebabnya New Article 125A ini dimasukkan tetapi oleh kerana sense of timing ini tidak betul. Dengan sebab itu, saya merayu supaya walaupun hendak melaksanakan, insertion of this New Article 125A jangan hendak adakan retrospective, jangan kita laksanakan effectnya itu kebelakang, biarlah perlaksanaannya mulai pada tarikh ianya digazette ataupun tarikh yang tertentu, jangan ada retrospective.

Bila ada kuasa retrospective seperti yang terkandung di dalam bentuk yang ada sekarang maka timbullah sepertimana telah saya katakan tadi iaitu spekulasi (speculation). Ini akan mendatangkan akibat yang paling buruk kepada negara kita dipermainkan dispekulasikan, dieksploitasikan oleh musuh-musuh negara pada hari ini. Malah saya nyatakan dari segi pendapat saya, saya minta maaf menyatakan di sini bahawa New Article 125A ini ialah *sub judice* dan oleh kerana ia *sub judice*—out of order Article ini dibincangkan sekarang, kerana kita membincangkan satu hal yang akan dibicarakan di Mahkamah Federal, bermakna kita tidak

boleh. Peraturan Dewan Rakyat ini menasihatkan kita bahawa sesuatu perkara yang *sub judice* tidak boleh dibincangkan dan Article 125A ini, maaf saya menyatakan dengan segala hormatnya, adalah *sub judice* kerana ia menyentuh suatu perkara yang akan diputuskan oleh Mahkamah Federal tidak berapa lama lagi.

Dengan segala penuh ikhlas dan kejujuran, Tuan Yang di-Pertua, I appeal that Clause (2) of Article 125A be deleted at the Committee Stage. Saya harap pihak Kerajaan akan mengambil inisiatif untuk memotongkan retrospective effect of the clause supaya mengelakkan segala kekeliruan yang boleh timbul daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, Article 125A (b) menyatakan:

“A Judge of the High Court in Malaya may exercise all or any of the powers of a Judge of the High Court in Borneo”.

Bermakna sekarang Judge ataupun Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya boleh ditukarkan untuk menjadi Hakim di Borneo, sekarang tidak boleh. Sekarang seorang Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya tidak boleh kita tukarkan untuk menjadi Hakim Mahkamah Tinggi di Sarawak ataupun di Sabah kerana mereka ada Court yang terasing, tetapi dengan pindaan ini membolehkan Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya untuk duduk sebagai Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak. Timbul lagi soalan mengapa ini perlu. Oleh kerana kurang Huraian, kurang penjelasan, timbul lagi spekulasi. Mungkin ada pihak menyatakan ini satu threat kepada Judges di Malaya, kalau kita tidak sebelah Kerajaan akan di-transferkan ke Sarawak dan Sabah, katanya boleh digunakan. Ada pihak-pihak golongan-golongan yang subversif, yang anti-nasional akan menggunakan ini menyatakan bahawa ini subtle threat, satu ugutan yang subtle dari segi pihak Kerajaan kepada Hakim-hakim yang selalu memberi judgment yang anti-Kerajaan. Kalau dia berasa tidak sedap judgmentnya ditukarkan dia jadi Hakim, mungkin di pendalaman atau ke mana-mana di Sarawak, bukanlah saya hendak memperkecilkan Sarawak atau Sabah—tidak. Sabah dan Sarawak bagus, negerinya baik tetapi adalah satu kenyataan bahawa orang-orang di sini takut juga, susah hati, bimbang juga hendak berkhidmat di sana. Jadi mungkin

akan digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu yang tidak bertanggungjawab menyatakan bahawa pindaan (b) ini adalah satu subtle threat—ugutan yang halus menakutkan Hakim-hakim di Mahkamah Tinggi Malaya yang tidak bersimpati dan tidak memberi hukuman-hukuman (judgment) selaras dan sejajar dengan kehendak dan keperluan Kerajaan ataupun Kementerian Undang-undang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit sahaja lagi untuk bercakap.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh juga dan saya bersetuju dengan pandangan yang menyatakan bahawa kuasa Parlimen ini untuk menentukan bilangan Hakim Mahkamah Federal dan menentukan bilangan Mahkamah Tinggi hendaklah tidak diambil, biarlah kuasa itu tetap tinggal di Parlimen ini, jangan kita serahkan kuasa itu kepada kuasa yang lain. Ini adalah satu concept separation of powers yang membahagi-bahagikan the Judiciary, the Legislative dengan the Executive, dan kalau kita hendak mempertahankan hal ini apabila kita pergi keluar negeri, inilah kita gunakan yang ada sekarang ini, tetapi kalau ini dipinda maka tidak dapat kita hendak mempertahankan untuk public consumption, foreign consumption bahawa Judiciary kita adalah tidak terikat dengan Legislature. Sekali lagi saya merayu supaya kuasa Parlimen ini menambahkan bilangan Hakim-hakim Federal dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi tetap dipelihara dan tidak diserahkan kepada badan yang lain.

Akhir sekali, satu lagi point, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal Article 5 di dalam Perlembagaan. Inipun telah banyak disentuh tetapi ada satu perkara yang belum lagi disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu dengan proviso yang baru yang mana telah diberi notis untuk dipinda di dalam Committee, bermakna apa juga undang-undang sekarang yang ada tidak memerlukan production seseorang itu within 24 hours maka undang-undang itu sah. Sebelum daripada pindaan ini keadaan undang-undang sekarang menyatakan bahawa tiap-tiap orang yang ditangkap hendaklah diproducekan within 24 hours. Kalau ada undang-undang yang menyatakan

seseorang itu boleh diproduce lebih daripada 24 hours, undang-undang itu null and void kerana melanggar Perlembagaan, tetapi dengan adanya proviso yang baru ini membenarkan undang-undang yang semacam itu yang menyatakan bahawa tidak perlu dibawa (produce) orang yang ditangkap itu ke Mahkamah. Ini adalah satu perkara yang akan menyusahkan rakyat kerana apabila orang telah ditahan, apabila produce di Mahkamah sekurang-kurangnya warisnya, kakaknya, adiknya, saudara-maranya (relations) tahu yang dia ada, dia hidup lagi—dia masih ada, tidaklah hilang. Tetapi kalau dia tidak diproduce, hilang begitu sahaja, tidak tahu apa keadaannya dan ini akan menimbulkan satu kerumitan, kesusahan dan kebimbangan terhadap keluarga-keluarga (relatives) yang kena tahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah cukup, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya.

6.20 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam membahar Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan ucapan saya, saya ingin merujuk kepada satu statement yang telah dibuat oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman yang menjadi Malaysia's first Prime Minister.

(Dengan izin) In the Malayan Constitutional Document, Tuan Yang di-Pertua, when Y.T.M. Tunku Abdul Rahman moved the second reading of the Constitution Bill (our present Constitution) on August 15, 1957, Tunku Abdul Rahman said:

"It must be remembered that the freedom to which we aspire is the freedom to govern ourselves under a system in which parliamentary institutions shall be exclusively representative of the people's will."

Tuan Yang di-Pertua, I think that should be the primary consideration of all Honourable Members of this House when we have Rang Undang-undang especially in so serious

a matter as the making of changes to the Constitution of a country because the Constitution of a country has been drawn up after very deliberate considerations given to existing Common Law Institutions that were in this country prior to Merdeka and after having due regard to the multi-racial composition of the peoples in this country.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri said just now that some of us in taking part in this debate here will refer to the American Constitution which is now 200 years old but there are not many changes in it. But I also agree with Yang Amat Berhormat Perdana Menteri that where the circumstances demand it, especially since the rapid industrialisation and development of a country, if we need to change the Constitution, we must do so, but subject to every Member of this House seeing to it that our fundamental rights and liberties as guaranteed under the Constitution are not encroached upon. We must see to it that when we change the Constitution that what we do is to make it workable. I believe that England which is supposed to be the Motherland of Democracy does not have a written Constitution, although we know that they have had the Magna Carta in the 12th Century. But all along the English Constitution was based on the English Common Law decisions by the Judges in the High Courts and in their House of Lords and in certain Conventions which have the force of law in England. Now, why is it that England which is acknowledged to be the "Motherland of Democracy" does not have a Constitution? Because the English feel that when the time demands it they can always change the Constitution without having to undergo the necessity of having a two-thirds majority in Parliament.

Now, that is one reason why the English who are very very astute in practising political democracy do not have a written Constitution and that is, I think, all the more reason that we can accept changes to the Constitution provided the changes so made do not encroach upon our fundamental rights.

Now, our fundamental rights have been stated to be certain rights to the liberty of the person and that is in Part II of the Constitution—Clauses 5 to 8 and it is here that we find that there is now an amendment which was tabled this morning and two of my Honourable friends have already

expressed their opinion on it, but I think that it will be better if the Clause specified the various Acts or Ordinances because the wording is so made that it is capable of a very wide interpretation. Tuan Yang di-Pertua, the Clause says:

"Provided that this Clause shall not apply to the arrest or detention of any person under the existing law which makes no provision for the production of such person before a Magistrate, and all the provisions of this Clause shall be deemed to have been an integral part of this Article as from Merdeka Day."

Now, even section 28 of the Criminal Procedure Code says:

"An Officer making an arrest without a warrant shall, without unnecessary delay and subject to the provisions herein as to bail or previous release, take or send the person arrested before a Magistrate's Court."

That is provided under the Criminal Procedure Code and it further states:

"No Police Officer shall detain in custody a person arrested without a warrant for a longer period than under all the circumstances of the case is reasonable. Such delay shall not in the absence or after the expiration of special Order of the Magistrate under Section 117 exceed 24 hours exclusive of the time necessary for the journey from the place of arrest to the Magistrate's Court."

Tuan Yang di-Pertua, this is almost the same as Clause (4) of Article 5 of the Constitution and the proviso I believe is meant to exclude certain persons who are arrested, most probably persons arrested under the Preventive Detention Act which was passed recently under Article 149 of the Constitution, or the Restricted Residence Ordinance which was passed before the Second World War under the British or even certain Criminal Law (Prevention of Crime) Act.

Now, all these, I am sure, even before now, in the majority of cases in my experience—as a Member of this Honourable House, I have had people coming to see me—they found that persons detained were unheard of for more than one week or even 10 days. This is a very serious provision because of the inconvenience and worry caused to the

families of the persons who are detained. They do not know whether he is detained for a criminal or a subversive offence or for any other offence. If he is not brought to the Court, then the right of the person to know that he is being detained may be lost because his family will not be able to know in which part of the Police Station he is detained—either in the Special Branch or in the ordinary Criminal Section and they will have to make a lot of enquiries to be able to find out. I think this is a very serious matter and I think it should specify there the type of offences where they need not be produced before a Magistrate.

We are aware, Tuan Yang di-Pertua, that the security situation in this country is such that steps to enforce security in the nation should be taken by Government but we hope that this kind of amendment will be the last because we must not fall into the easy way out of amending the Constitution just to meet a given situation because if we go on like this everything that is guaranteed in the Constitution will gradually be eroded by piecemeal legislation.

Tuan Yang di-Pertua, I will now refer to amendments regarding Judges. We welcome the amendment to Article 122 and 122A of the Constitution enabling the Yang di-Pertuan Agong to increase the number of Judges of the High Court and to appoint a person qualified to be a Judge of the High Court as a Judicial Commissioner for the despatch of business of the High Court in Malaya. Although the power to vary the number of Judges in the High Court is now taken away from this House and is now vested in Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, we are satisfied that, in the interest of the country, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong will use the power judicially and appoint only a sufficient number of Judges to cope with the increased volume of litigation that is now before the High Courts in Malaya.

The existing Judges that we have now in the Federal Court and in the High Courts have coped remarkably well with the increased volume of litigation and their patience in spite of the heavy load of work is appreciated.

In this connection, I would like to bring to the notice of Yang Amat Berhormat Perdana Menteri the matter of remuneration

of Judges. To have an independent Judiciary the Judges must be properly paid. We realise that the remuneration of Judges is linked and tied up with the other services of the Government resulting in that no increases are possible without disturbing the salary structures of the other services. But the other services have the benefit in recent times of the Suffian Commission and the Ibrahim Ali Commission to look into their salary structures. There is also the question of a reasonable pension for the Judge upon retirement and since a judge retires upon attaining the age of 65 years there is all the more reason why a reasonable pension in keeping with his status should be provided for a Judge when he retires. There is, I believe, certain countries in Europe where a Judge's pension is the same as his former salary. Tuan Yang di-Pertua, I now refer to

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tidak ada lagi. Masa sudah cukup.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Perhubungan (Tan Sri V Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Air Bah Di Pekan Kepong

6.32 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membangkitkan masalah air bah yang berlaku di Kepong. Sebelum penghujung tahun 1975, Tuan Yang di-Pertua, jarang ada air bah di Kepong tetapi semenjak penghujung tahun 1975 telah tiga kali air bah tiba di Kepong dan air bah itu bukan kena di kampung Kepong sahaja, tetapi di sekelilingnya juga dan air bah bukan masuk di pekan sahaja tetapi masuk di sekeliling sekolah dan rumah di sana dan

akibahnya terlampau serious kepada penduduk-penduduk di sana. Penduduk-penduduk di sana telah merayu saya supaya menyiasat perkara ini dan mengadukan kepada pihak yang berkuasa. Saya telah siasat perkara ini dan telah diketahui bahawa air bah berlaku di Kepong oleh sebab kemajuan perumahan di Desa Jaya mahupun di Ehsan Sdn. Bhd. di mana pokok-pokok di tapak rumah di sana telah ditebang dan oleh itu apabila hujan turun tidak ada halangan kepada air hujan yang turun di sana dan air itu terus masuk ke Sungai Keroh dan oleh sebab Sungai Keroh ialah sebatang sungai yang kecil maka timbullah air bah di sana.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, hujan yang turun di sana menimbulkan masalah silt yang memasuki Sungai Keroh dan oleh itu juga timbul air bah di Kepong.

Malangnya, penduduk-penduduk di sana pun ada membuang sampah ke Sungai Keroh dan oleh itu juga ada menimbulkan masalah air bah di Kepong. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua seperti yang disebutkan oleh saya tadi ada 3 kali semenjak Disember, 1975 air bah berlaku di Kepong. Saya telah berhubung dengan Ketua Pengarah, Jabatan Parit dan Taliair dan juga dengan Jabatan Pamaritan di Bandaraya dan suruh mereka menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca sedikit surat yang saya terima daripada pihak Ketua Pengarah Jabatan Parit dan Taliair:

“Setelah siasatan dijalankan didapati banjir berlaku di pekan Kepong berikutan dengan aktiviti-aktiviti pembangunan perumahan di Ulu Sungai Keroh di sebelah utara. Aktiviti-aktiviti tersebut telah mengakibatkan tambahan enapan (silt) di sungai dan air yang berlari (run off) daripada kawasan tersebut berikutan hujan lebat. Untuk mengatasi masalah ini Jabatan ini telah bertindak supaya mendesak mereka yang membangunkan kawasan itu mengambil langkah-langkah untuk menahan enapan (silt retention) serta tambahan air yang berlari dari kawasan itu.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan pada masa sekarang untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih

kepada Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya di Jabatan Parit dan Taliair atas kerjasama mereka. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan boleh mengambil langkah atau bertindak untuk menghapuskan atau mengurangkan air bah yang berlaku di Kepong. Tidak berapa lama lagi, Tuan Yang di-Pertua, musim hujan akan berlaku di tanahair kita dan diharaplah langkah-langkah yang akan diambil bukan sahaja oleh Jabatan Parit dan Taliair tetapi oleh Menteri yang berkenaan boleh mengurangkan air bah yang berlaku di Kepong.

6.39 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong di atas pandangan-pandangannya berkenaan dengan air bah di Pekan Kepong. Ada dua sebab yang mengakibatkan berlakunya banjir di Daerah Kepong seperti berikut. Yang pertama, oleh kerana disebabkan kerja-kerja pembangunan yang sedang dijalankan oleh beberapa pemaju perumahan swasta yang mana terletak di luar sempadan Wilayah Persekutuan. Anak sungai yang sedia ada telah bertambah cetek oleh kerana bertambah tebalnya tanah dasar sungai itu akibat kerja-kerja pembangunan tadi. Oleh yang demikian, tiap-tiap selepas hujan lebat air sungai itu akan melimpah ke tebing-tebing dan membanjiri kawasan-kawasan yang berhampiran yang mana kebanyakannya adalah tanah rendah. Seperti yang berlaku kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kepong (2) yang kadang-kala tenggelam sebanyak 1½ kaki.

Disebabkan parit-parit di sekeliling Daerah Kepong itu adalah dalam keadaan tidak berapa baik khususnya di sekitar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kepong (2) itu.

Pihak Dewan Bandaraya telahpun mencadangkan peruntukan sebanyak \$45,000 untuk membaiki parit-parit di Daerah Kepong yang termasuk di dalam Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, segala

2083

12 JULAI 1976

2084

kerja-kerja pembaikan parit itu tidak akan menyelesaikan masalah banjir, kerana dasar Sungai Keroh itu hendaklah diperdalam lagi dan urusan pembaikan Sungai Keroh itu adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair. Saya diberitahu bahawa Jabatan Parit dan Taliair adalah menyedari tentang masalah ini.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 13hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.

keduanya menganggap pengganas-pengganas komunis sebagai satu ancaman yang sama mereka hadapi sekarang dan akan terus berkerjasama di dalam usaha memberantas ancaman itu.

AKTA KHIDMAT UNDANGAN

28. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Undang-undang menimbangkan samada beliau akan mengkaji untuk meminda Akta Khidmat Undangan, untuk memindahkan beliau sebagai ketua terus Majlis Peguam Malaysia Barat.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusoff): Nampaknya Ahli Yang Berhormat, mengikut soalan beliau, tidak membantah terhadap sistem dalamana Peguam Negara adalah Ketua terus Majlis Peguam Malaysia Barat, tetapi adalah membantah Menteri yang berkenaan atas sifat dirinya sebagai ketua terus. Oleh itu tidaklah, yang demikian memerlukan pindaan kepada Undang-undang. Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Peguam yang telah menggubal Rang Undang-undang berasa lebih wajar bagi Peguam Negara menjadi Ketua Terus Majlis Peguam untuk membolehkan Peguam Negara mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Peguam.

PEGAWAI IMIGERESEN DI SEMPADAN

29. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang akan mempersenjatai pegawai Imigresen yang bertugas di sempadan. Jika ya, bilakah rancangan akan dimulakan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafe): Soalan ini adalah sama seperti soalan Yang Berhormat dari Parit dan telah dijawab pada 5hb Julai, 1976 lalu.

PASUKAN POLIS HUTAN DI BETONG

30. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Pasukan Polis Hutan kita yang ditempatkan di Betong, Thailand diminta keluar dari negara itu dengan serta

merta dan adakah tindakan ini memberi kesan terhadap hubungan baik di antara kedua negara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafe: Pasukan Polis Hutan kita berada di Betong dengan persetujuan pihak Thailand dan di bawah perintah pihak berkuasa Thai untuk membantu kekuatan pasukan keselamatan Thai. Pasukan Polis Hutan juga memberi bantuan logistik, termasuk makanan dan ration dalam melancarkan gerakan menentang musuh bersama. Apabila Kerajaan Thai mengumumkan bahawa Pasukan Polis Hutan kita hendaklah ditarik keluar dan memberi tahu bahawa Kerajaan mereka telah terikat dengan keputusan yang diambilnya mengikut tuntutan yang dibuat oleh penduduk Betong, Kerajaan kita telah menghormati kehendak Kerajaan Thai. Tindakan ini tidak menjejaskan hubungan baik di antara kedua negara. Malahan kita saling berkerjasama untuk menjamin supaya keadaan ini tidak diambil kesempatan oleh agen-agen komunis yang berusaha hendak meretakan hubungan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN TUN RAZAK

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Yayasan Tun Razak dan membuat peruntukan bagi pengurusan Yayasan tersebut dan bagi perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Julai, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini kita sambung perbahasan atau perdebatan berkenaan dengan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan). Dijemput Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Ahli Yang Berhormat dari Payang.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada Peraturan Mesyuarat 31 (2)

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan bilangan berapa?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: 31 Pecahan (2) dibaca dengan Peraturan 36 Pecahan (11)

Tuan Yang di-Pertua: 31 Pecahan (2).

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Artikel 125 Perlembagaan dan saya berpendapat bahawa Artikel 125 adalah melanggar peraturan itu oleh kerana Artikel 125 adalah *sub judice* iaitu Artikel 125 ini adalah berkaitan dengan satu kes. Ada kaitannya yang mana seorang Hakim Mahkamah Persekutuan (Federal Court) iaitu Justice Raja Tan Sri Azlan Shah telah mendengar satu kes sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dalam membicarakan Datuk Harun dan oleh kerana Artikel 125 ini ada kaitan dengan kes itu, maka saya berpendapat Artikel 125 ini adalah *sub judice* dan haruslah tidak dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat merujuk kepada Standing Order 31 (2)?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: 31 Pecahan (2) dibaca dengan S.O. 36 Pecahan (11).

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana bunyinya?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: 36 (2) menyatakan bahawa . . .

Tuan Yang di-Pertua: Standing Order 31 Pecahan (2) betulkah itu?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana bunyinya? S.O. 31 (2) berbunyi: "In Committee a seconder shall not be required."

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Boleh saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Cuba baca Standing Order itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, 36 (2) menyatakan bahawa:

"36 (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-sekira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu."

Kemudian 36 (11) menyatakan bahawa:

"36 (11) Jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahathan yang akan dijalankan lagi di atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar Peraturan ini, maka Tuan Yang di-Pertua berkuasa boleh menolak usul atau pindaan itu ikut mana yang dikehendaki"

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya tengok Standing Order 31 (2) disebutkan:

"31 (2) Dalam Persidangan Jawatankuasa, tidak dikehendaki penyokong."

Betulkah Standing Order itu Yang Berhormat?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Maafkan saya, 36 (2) dan 36 (11).

Tuan Yang di-Pertua: 36 (2)—

"36 (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-sekira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu."

Betullah Standing Order itu, jikalau sesiapa sebutkan, Tuan Yang di-Pertua boleh larang, itu makna Standing Order itu. Jikalau sesiapa Ahli Yang Berhormat sebut, Tuan Yang di-Pertua boleh larang—jangan disebut, kerana perkara ini sedang dalam perimbangan mahkamah—bolehlah, itu selesai

maknanya. Selain daripada itu, apa dia yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai Undang-undang Tubuh tadi?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Article 125A adalah *sub judice* iaitu yang memberi kuasa Mahkamah Persekutuan, memberi kuasa-kuasa kepada Hakim Mahkamah Tinggi dan Article 125A adalah *sub judice*.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya mana-mana Ahli Yang Berhormat tidak sebut satu-satu kes dengan tepatnya: kes itu apa, bilangannya berapa dan siapa dipihaknya, itu tidak menjadi tegahan kepada Article 125A.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Payang.

3.45 ptg.

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Yakub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1976, dan saya hanya untuk memberi sedikit pandangan di atas satu dua clauses Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 3 dalam Rang Undang-undang ini, jika diluluskan oleh Dewan ini nanti, akan melantik Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Ugama di Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Pusat memberi pertimbangan mengadakan satu lagi peruntukkan di dalam fasal yang sama di bawah perkara yang sama iaitu Fasal 3 dan Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan, supaya membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melantik seorang yang boleh menjalankan tugas setiap hari mengenai perkara yang routine daripada negeri-negeri yang berkenaan itu. Kalau saya tidak silap pentakrifan mengikut peruntukan yang dicadangkan sekarang, ini tidak dibolehkan. Maka ini bererti tiap-tiap masaalah yang berkaitan yang menghendaki persetujuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong hendaklah dikemukakan kepada Baginda. Ini mungkin akan melambatkan pengurusan routine di tiap-tiap State.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh ber sukacita babawa clause 6 dalam Rang Undang-undang ini dikemukakan oleh Kerajaan Pusat dan saya memberi ucapan tahniah yang setinggi-tingginya.

Tuan Yang di-Pertua, satu peristiwa telah berlaku di Negeri Sarawak beberapa tahun yang dahulu yang sempat saya cegahkan iaitu beberapa orang anak-anak yang beragama lain telah dipaksa mengikut scrubahyang, mengikut adat-adat sesuatu ugama yang tertentu di sebuah sekolah, dan ramai ibu bapa telah datang berjumpa dengan saya memberitahu tentang perkara ini. Ibu bapa itu merayu kepada Ketua sekolah itu dan mereka telah diberitahu bahawa ini adalah sekolah hanya untuk satu golongan ataupun satu madzhab (ugama Kristian) dan tiap-tiap penuntut yang belajar di sekolah itu mestilah mengikut discipline dan aturan-aturan di sekolah tersebut dengan tidak memandangkan kepada Perlembagaan kita. Jadi dengan adanya peruntukkan ini dan peruntukkan-peruntukkan lain dalam Perlembagaan Persekutuan maka saya harap perkara yang seperti ini tidak berlaku lagi di dalam negara kita, iaitu tiap-tiap murid yang mempunyai ugama haruslah diberi kebebasan untuk mengikut upacara yang dibenarkan oleh ugama itu sendiri dan tidak dipaksa mengikut mana-mana upacara ugama lain dan yang bertentangan dengan ugama yang dianutinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita telah merdeka selama 19 tahun, saya sedar bahawa Jabatan Peguam Negara begitu sibok dengan tugas-tugas, pegawai-pegawainya tidak cukup, sehingga Attorney-General sendiri pun tidak bertambah beratnya dari masa dia menjalankan tugas bahkan nampak semakin kurus dari sehari ke sehari kerana kerja begitu banyak. Dalam Rang Undang-undang ini istilah-istilah berlainan digunakan. Saya faham tentang sebab-sebabnya. Misalnya dalam Clause 28 masih lagi kita gunakan istilah Mahkamah Tinggi di Borneo sedangkan dalam Clause yang lain, misalnya Clause 43 kita mencadangkan begini:

"43. Perlembagaan adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Negeri" Borneo" di mana-mana

jua ianya terdapat dalam Perlembagaan dengan perkataan-perkataan "Negeri-negeri Sabah dan Sarawak."

Tujuannya Tuan Yang di-Pertua, ialah semata-mata supaya janganlah timbul suatu perasaan di mana rakyat Malaysia di Semenanjung ini mempunyai perasaan yang tersendiri daripada rakyat Malaysia yang duduk di Sabah dan Sarawak. Itulah sebabnya Sabah dan Sarawak telah bersetuju kepada pindaan yang sekarang masuk di dalam Clause 2 di dalam Rang Undang-undang ini. Saya harap Jabatan Peguam Negara akan terus berusaha untuk menyamakan istilah-istilah yang digunakan di dalam undang-undang kita supaya di satu tingkat nanti tidaklah dalam satu Clause kita menggunakan Borneo yang termasuk sebagai istilah umum, provinsi di Indonesia, tetapi bagi istilah ini kita sedar hanya termasuk Sabah dan Sarawak sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan bahawa sungguhpun boleh kita sokong dan saya terima mengenai penggunaan Kepala Utama Negara atau Kepala Negeri, tetapi ingin saya nyatakan bahawa di Negeri Sarawak perkataan "Kepala" kita gunakan kepada seorang yang teratas sekali kurang manis, agak kasar bunyinya. Jadi kita lebih suka menggunakan perkataan "Ketua Negeri" ataupun "Ketua Utama Negara". Bagaimanapun, ini diserahkan kepada pihak pakar untuk menggunakan mana satu perkataan yang lebih sesuai difikirkan oleh mereka.

Akhirnya, saya ingin menyetuh kepada Clause 48 dalam Rang Undang-undang ini. Saya merasa dukacita sedikit kerana tidak sempat pindaan dibuat kepada Clause ini. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang yang telah menyarankan ataupun mencadangkan supaya di seluruh negeri Malaysia ini diadakan satu Public Disaster Department yang akan menguruskan perkara-perkara seperti yang terkandung dalam Clause 48 seperti Fire Brigade, traffic accident dan kemalangan-kemalangan dalam sungai dan di laut. Sebenarnya lebih daripada dua tahun dahulu dalam satu mesyuarat dengan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, saya telah bersetuju dan Kerajaan Pusat juga telah bersetuju supaya Perkhidmatan Bomba dan Pasukan Bomba di Sarawak juga di ambil oleh Kerajaan Pusat. Persetujuan ini telah sekali lagi diulangkan dalam mesyuarat

di Miri dalam bulan September, 1975. Maka saya merasa agak terperanjat sedikit bila saya melihat Clause 48 ini mengecualikan Sarawak. Sabah saya tak tahu samada setuju atau tidak kerana saya tidak mewakili Sabah, dengan cadangan tersebut. Malangnya ketika Rang Undang-undang ini mungkin dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja yang lalu tadi, saya sendiri telah tidak dapat hadir kerana kematian Almarhumah Datuk Ajibah Abol. Jadi, saya baru nampak Rang Undang-undang ini semalam. Saya haraplah semoga Kerajaan Pusat akan memberi pertimbangan supaya menyamakan keadaan ini dengan seberapa cepat mungkin. Dari sehari ke sehari semakin banyak bangunan berbelas atau berpuluh tingkat dibangunkan di negara Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, Penguasa Tempatan (Local Authorities) tidak berkemampuan untuk mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi menjaga perkhidmatan pasukan bomba dan juga dari sehari ke sehari perkhidmatan ini merupakan satu perkhidmatan yang penting dan perlu diselenggarakan oleh pakar-pakar berkenaan. Jadi, jika seperti yang ada di masa dahulu dan sekarang tiap-tiap kawasan Local Authority ataupun Local Council itu menjaga perkhidmatan bombanya sendiri, maka ini tidak akan memberi pertolongan besar kepada kawasan-kawasan yang berkenaan. Jadi perlulah perkara ini di ambil alih oleh Kerajaan Pusat. Memang biasanya Kerajaan Negeri enggan menyerahkan kuasa itu kepada Kerajaan Pusat, tetapi ini satu perkara yang telah dipersetujui lebih daripada dua tahun dahulu. Ada negeri-negeri di Semenanjung ini meminta Kerajaan Pusat supaya membayar compensation kerana mengambil-alih perkhidmatan itu. Bagi negeri Sarawak kita tidak minta satu sen pun compensation, tetapi malangnya oleh kerana dalam Jabatan berkenaan ada sedikit communication gap, Sarawak telah dikeluarkan dari Rang Undang-undang ini. Saya merayulah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberi pertimbangan untuk memindahkan peruntukan ini pada masa akan datang supaya dapatlah kita merasa nikmat daripada perkhidmatan ini seperti juga yang akan dirasakan oleh negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Selain dari itu, ada sedikit lagi, saya baru terbaca ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sepang. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu bila beliau mengatakan Sabah dan Sarawak bagus—Alhamdulillah.

Tetapi Ahli Yang Berhormat itu meneruskan ucapannya begini: "Ada satu kenyataan bahawa orang-orang di sini takut juga, susah hati, bimbang juga hendak berkhidmat di sana". Saya rasa setakat yang saya ketahui di negeri Sarawak orang bukan takut hendak ke sana, orang suka hendak ke sana. Kita sentiasa membuka pintu menerima dengan baiknya pertolongan yang boleh diberi oleh saudara-saudara kita daripada Semenanjung ini. Hatta, Ahli Yang Berhormat sendiri kalau beliau hendak kahwin di Ulu Belaga pun, saya boleh carikan orang Kayan beri kepada dia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sediakan rumah panjang dahulu!

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Vacancy banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga sukacita sungguhpun perkara ini telah diselesaikan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, saya berasa agak hairan bahawa Yang Berhormat itu menyentuh Article 125A sebagai *sub judice*. Nampak saya perkara itu tidak ada kena-mengena dengan masalah kes yang dibicarakan sekarang ini. Ini hanyalah untuk membolehkan satu technicality yang berlaku sekarang. Adakah seorang hakim di Semenanjung ini tak boleh, misalnya, memangku atau menjalankan kuasa hakim di negeri Sarawak dan Sabah? Saya sendiri ingin melihat, Tuan Yang di-Pertua, supaya semua perkhidmatan mahkamah disatukan di negeri Malaysia ini dan tidaklah ada nanti ini Mahkamah Semenanjung, ini Mahkamah Borneo. Tak sedap bunyinya kita masih berbagi-bagi macam itu. Kalau mula-mula itu dimasukkan kerana keadaan, sekarang patutlah kita mula memikirkan supaya mahkamah itu hanya Mahkamah Malaysia, bukan Mahkamah Sarawak, Mahkamah Sabah, Mahkamah Kelantan, Mahkamah Trengganu, kalau ada.

Jadi, sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk mem i pandangan tentang Rang Undang-undang ini.

3.57 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini, tetapi sebelum saya

teruskan ucapan, saya harap dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dapat saya menggunakan sedikit-sedikit bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh!

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tuan Yang di-Pertua, menurut apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini semalam dalam Majlis yang mulia ini segala butir-butir dan implikasi pindaan yang disyorkan telahpun dikaji dan diteliti secara halus dan mendalam selama lebih kurang dua tahun. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu akuan yang telah diberi dengan berterus-terang daripada sumber yang memang tahu dan faham bahawa perlembagaan dan isi kandungan perlembagaan sesebuah negara adalah sacred dan adalah menjadi tunjang untuk menjamin keselamatan, ketenteraman dan kebahagiaan negara ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap akuan yang telah diberi itu hendaklah diterima dengan baik dan tidak semata-mata dipermainkan-mainkan dan diejek-ejekkan dengan memberi gambaran yang bertujuan lebih-lebih lag untuk melibatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap pucuk pimpinan yang sekarang memegang teraju pemerintahan dalam negara yang kita kasihi.

Apabila kita dengar ucapan yang telah dibuat oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang semalam kita sangatlah dukacita kerana semuanya mengatakan tidak betul, semuanya salah dan pindaan-pindaan yang disyorkan ini adalah dibuat dengan niat dan tujuan yang dalam bahasa Inggeris "which would not withstand scrutiny in the light of day".

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri dan kami semua wakil-wakil rakyat dalam Barisan Nasional ini yang telah dipilih oleh rakyat dan diletakkan dalam Dewan yang mulia ini oleh sebilangan terbesar rakyat dalam negeri ini bertujuan hendak melingkup dan menjahanamkan negara ini? Ini adalah perkara yang mustahil kerana harapan dan cita-cita rakyat adalah perkara yang sacred kepada kami dan selagi kuasa memerintah negara dalam tangan Barisan Nasional, saya berani mengatakan keselamatan dan kepentingan rakyat dan negara tidak akan diabaikan dan tidak dijadikan hanya dam-catur untuk permainan politik dan untuk memancing undi dan sokongan ramai sahaja.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, Perlembagaan Malaysia adalah satu Perlembagaan yang comprehensive dan mengandungi details tidak seperti Perlembagaan Amerika yang cuma mengandungi asas-asas secara ringkas sahaja. Oleh itu, kepentingan negara dan keadaan masa yang berubah memerlukan pindaan-pindaan dibuat dari semasa ke semasa. Tetapi rakyat dan negara berhak menuntut jaminan dari pihak yang berkuasa bahawa pindaan-pindaan yang dibuat tidaklah dibuat dengan sewenang-wenangnya sahaja dan mestilah berasaskan kepada kepentingan utama rakyat dan negara. Lebih-lebih lagi apabila pindaan-pindaan yang disyorkan melibatkan hak-hak asasi seperti kebebasan diri, kebebasan bercakap dan kebebasan bersekutu di antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga faham bahawa kebebasan-kebebasan yang tersebut mestilah ada sekatan-sekatan demi kepentingan negara untuk menjaga supaya freedom tidak menjadi anarchy dan freedom tidak pula digunakan untuk memecah-belahkan masyarakat dan untuk mengelirukan dan untuk membangkitkan huru-hara dalam negeri. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dengan segala hormatnya saya mengambil peluang menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pindaan yang disyorkan kepada Fasal 5, Perkara 5 di dalam Perlembagaan Malaysia adalah menjadi tandatanya di kalangan orang ramai. Hak kebebasan diri adalah menjadi hak yang pasti dijamin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang peguam faham maksud dan tujuan saya ini. Dalam keadaan yang biasa, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soal yang dihadapi oleh kita sekarang tidak akan timbul dan jikalau pun timbul mungkin ditentang hebat di dalam Dewan.

Menurut berita dalam sebuah akhbar tempatan pada hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah lagi menegaskan bahawa ancaman penganas komunis terhadap keselamatan negara adalah nyata; bukannya propaganda Kerajaan untuk melencongkan perhatian orang ramai dari lain-lain persoalan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berkata bahawa ancaman itu adalah serious dan penduduk di kawasan-kawasan terlibat khususnya di luar bandar sedar akan hal itu. Bukti-bukti mengesahkan benarnya kata Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri ini adalah dilihat dan dialami oleh kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kementerian-kementerian yang berkenaan tentulah lebih mengetahui bagaimana seriousness ancaman-ancaman yang saya sebut tadi. Oleh itu, mereka perlukan kuasa-kuasa yang lebih untuk mempertahankan segala hak-hak yang termetri di dalam Perlembagaan termasuk hak-hak asasi yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kita berdoa supaya keadaan yang tergenting ini yang memerlukan kuasa-kuasa yang lebih ini tidak berpanjangan. Kita menyokong langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya keadaan ini tidak berpanjangan. Kita juga lengkapkan Kerajaan dengan kuasa-kuasa untuk menjamin supaya keadaan yang tergenting ini tidak juga berpanjangan. Keadaan yang disebutkan, Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan hanya keadaan yang sementara dan dengan kuasa-kuasa lebih yang diberi, kita harap Kerajaan dapat menjamin bahawa keselamatan dan ketenteraman dalam negara mungkin dengan segeranya dapat dipulihkan menjadi seperti sedia kala. Oleh itu, kuasa-kuasa lebih untuk menentang ancaman musuh negara ini, saya harap bolehlah dianggap sebagai sementara sahaja. Kuasa-kuasa lebih ini mungkin tidak perlu dibiarkan termetri dalam Perlembagaan kita apabila keadaan menjadi pulih seperti sedia kala tanpa diberi pertimbangan lagi berasaskan keselamatan, ketenteraman dan kepentingan negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya harap pemberian kuasa lebih yang saya sebutkan tadi semestinya dianggap sebagai pinjaman sementara dengan tujuan untuk mengatasi krisis keselamatan negara yang kita hadapi. Tetapi sungguhpun begitu sepatutnya setiap golongan menyokong pemberian kuasa lebih yang diperlukan ini untuk menyelamatkan negara kita, jikalau tidak disokong mungkin segala hak-hak dalam Perlembagaan Malaysia yang dibelakan itu luput dan hilang, jikalau tidak pun luput dan hilang secara bertulis, mungkin semuanya menjadi corak dan bentuk untuk propaganda sahaja, walhal apa yang sebenarnya dialami dalam negara ialah kezaliman, keabadian dan pemerintahan secara kuku besi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

40.8 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih daripada 48 Fasal-fasal pindaan di dalam Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini telahpun dibentangkan kepada Ahli-ahli Parlimen tidak sampai dua minggu dahulu, dan pada hari ini Ahli-ahli dikehendaki membahaskan Rang Undang-undang ini dengan tempoh pemberitahu yang sangat singkat. Perkara meminda Perlembagaan Persekutuan tidaklah satu perkara yang kecil. Masa yang cukup adalah dikehendaki oleh Ahli-ahli Parlimen supaya dapat mengkaji implikasi pindaan-pindaan ini kerana ianya mungkin mempunyai akibat yang luas terhadap negara dan rakyat. Jika ini benar bagi sesuatu pindaan maka ianya juga benar bagi 48 Fasal pindaan-pindaan ini.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini menyentuh beberapa perkara. Beberapa daripadanya menyentuh hak-hak asasi seperti kebebasan beragama dan hak-hak kewarganegaraan. Issue-issue penting seumpama ini tidak harus dibahas dan diluluskan dengan begitu cepat, tetapi sebaliknya ditimbang dengan teliti dan mendalam dan ini bermakna Ahli-ahli Parlimen patut diberi masa yang lebih untuk mengkaji Rang Undang-undang ini dan bersedia untuk perbahasan.

Kerajaan Barisan dengan majoriti yang maksima dalam Dewan ini tahu pindaan-pindaan ini akan di steam-roll biarpun mendapat tentangan daripada parti DAP dan Pembangkang. Ini sangat menyedihkan hati dan kami ingin merakamkan bantahan kami terhadap caranya Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Kerajaan Barisan perlu diingatkan bahawa penyalahgunaan kuasa adalah merbahaya dan Kerajaan Barisan mestilah mengelakkan dirinya dari kecenderungan dimabuk oleh kuasa dan sebaliknya memelihara kuasa di tangan mereka dengan adil supaya apa sahaja yang adil, adalah kuat dan apa sahaja yang kuat, adalah adil.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, on the amendments to Articles 24 and 25 of the Constitution on citizenship, here I must stress that I am not objecting or questioning the provisions entrenched in the Constitution on citizenship but only asking the Government itself not to change such provisions.

As it stands, the Constitution recognises that there is a special relationship with other members of the Commonwealth which has a secretariat in London. Because of this tradition of friendship and understanding, Malaysia and its citizens have benefitted with rights by Commonwealth countries like Singapore, United Kingdom, Australia, New Zealand, India, Canada and others. These rights, like job opportunities and admissions to their educational institutions are not normally accorded to non-Commonwealth countries.

The special relationship with other Commonwealth countries will be weakened by the proposed amendments, and instead of fostering closer ties with them, the result would be that in the future Malaysia may drift further apart from her Commonwealth friends. This is a consequence which we can ill afford. We need all the friends in the world, and especially trusted partners in the Commonwealth. Undoubtedly there are advantages by maintaining closer ties, such as trade and economic preferences, more investments, cultural exchange and technology transfer as provided by scholarships under the Colombo Plan. These are not to be sniffed at.

Commonwealth countries nearer to us like Singapore and Australia have given job opportunities to our citizens. Singapore in particular has tens of thousands of Malaysians working in factories and in the construction industry. Many are in the police force while some are in the administrative service. Unable to find jobs in this country or to develop their potential, these people, all citizens have ventured to other countries to earn a livelihood or to find productive occupations. All these years they have never posed a threat to security. I know of many who have retired from the Singapore police force and are now peaceable and loyal citizens enjoying their pension in their kampungs.

Besides, there is a sizeable unemployment problem here at home. Between 8-12% of the working population here are unemployed.

Do you want these people to get restless by threats of deprivation of citizenship should they work in Commonwealth countries where jobs are available? Is the Government prepared to open their doors to all youths of whatever the race to the police and armed forces? If so, then all is well. But if all avenues are denied them, then the thousands of unemployed will become an explosive problem.

Tuan Yang di-Pertua, we in the DAP are not pleading for those who emigrate and take up citizenship in other countries. Goodbye and good luck to them. But for those Malaysians who are unable to obtain employment here and can be gainfully employed in other countries, then I say that we should help them. There is no need to doubt their loyalty and besides they are earning foreign exchange for the country.

The DAP calls for the withdrawal of the amendments to Clauses 24 and 25 of the Federal Constitution.

On the amendment to Article 12, Tuan Yang di-Pertua, the right of mission schools to establish and maintain schools where general education besides religious instruction is provided is placed in jeopardy by the proposed amendment, as I read it.

Clause (2) of Article 12 reads:

"Every religious group has the right to establish and maintain institutions for the education of children and provide therein instruction in its own religion, and there shall be no discrimination on the ground only of religion in any law relating to such institutions or in the administration of any law"

The amendment proposes to remove the words "and provide therein instruction" so that the amendment reads.

"Every religious group has the right to establish and maintain institutions for the education of children in its own religion and there shall be no discrimination" etc.

Removal of these four words "and provide therein instruction" will have implications unfair to the mission schools as well as the advancement of education in the country.

As it stands, religious groups are allowed to establish and maintain schools giving a general education as well as in their own religion, but with the amendment mission schools may be allowed to establish schools for the sole purpose of teaching children in its own religion, but not other subjects.

This is unwise. Mission schools for many decades and in some cases over a century have contributed greatly to the educational progress in the country. Thousands of professionals and eminent personalities have received their education from these schools. The knowledge gained in these schools together with the moral stiffening was invaluable to the success of many a person. They have created a tradition of good and sound education largely because of the education of their teachers.

The country needs more schools, more teachers, more lawyers, more engineers, doctors, business managers and others. The mission schools can help in this vital and mammoth task. They should be encouraged to establish more schools to produce not only people with knowledge and skills but also people with moral fibre and character to help build a just society.

The proposed amendment to Clause 2 of Article 12 of the Federal Constitution should be withdrawn or rejected.

Tuan Yang di-Pertua, on the amendment of Article 5, the fundamental rights are fundamental rights and should not be violated.

The latest and the third proposed amendment Article 5 in the past three weeks on Fundamental Liberties relates to Clause (4) requiring an arrested person to be produced before a Magistrate within 24 hours by the following proviso:

"Provided that this Clause shall not apply to the arrest or detention of any person under the existing law which makes no provision for the production of such person before a magistrate, and all the provisions of this Clause shall be deemed to have been an integral part of this Article as from Merdeka Day".

Tuan Yang di-Pertua, amendments have been proposed and withdrawn with such rapidity as to betray the uncertainty on the Government side. Fundamental liberties are sacred and inviolate and any attempt to

amend or modify these would make the Constitution look silly and frivolous, and what is even more serious, it will cause irremediable trauma to the national psyche—fear, insecurity and loss of dignity to the Malaysian citizens. There is just no way in which the fundamental liberties can be amended to take away these liberties.

Under the pretext of national security and emergency, restrictive and repressive laws were passed infringing on basic liberties of the individual. The proposed amendments are in fact asking the House to constitutionalise laws which are unconstitutional.

Tuan Yang di-Pertua, if crime is on the increase and the insurgent problem is becoming more serious, the answer lies not in rushing under the shelter of the Constitution by making amendments. Re-examine your crime fighting methods. If other countries can fight organised crime like the Mafia without tampering with basic liberties, so can this country fight crime if crime fighting methods are modernised and become more scientific. If I may say so, it looks to me that while crime is increasing in audacity and in sophistication, rivalling the Mafia in the United States, the methods employed here in this country to counter them resemble those used in the nineteenth century, in other words using bows and arrows to fight guns.

Tuan Yang di-Pertua, the battle to win the hearts and minds of the people is 10% military but 90% political. The answer lies in correct political, social and cultural policies in keeping with the aspirations of the people. On the other hand detention without trial is counter-productive because of the abuses and misuses and also because of the speculation and uncertainty generated among the people. In fact the latest example is that of that of the arrest of Samad Ismail which has evoked rumours to the effect that it was timed primarily for the UMNO meeting held a couple of weeks ago. We have heard stories from the Singapore Connection. The people would like to know more about the Samad Ismail story by the Malaysian Connection, and the Government should either present a more complete picture, prepare a White Paper, or bring Samad Ismail to open trial.

Tuan Yang di-Pertua, finally the DAP calls for the withdrawal of the amendment to Clause (4) of Article 5 because it amounts to a violation of basic human rights.

4.20 *ptg.*

Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian membincangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini, saya berfikir eloklah saya tumpukan kepada beberapa perkara yang saya berharap akan mendapat perhatian yang serious dari pihak Kerajaan. Saya bersetuju bahawa Perlembagaan itu adalah suatu benda atau suatu perkara yang hidup dan current. Bererti Perlembagaan bukanlah suatu benda yang kaku, beku tidak boleh bergerak dan tidak boleh dipinda. Saya sangat bersetuju dengan pendapat ini kerana perlembagaan itu dibuat ialah untuk melayani keadaan, masyarakat manusia dalam sesebuah negeri. Jadi, perlembagaan itu mestilah dibentuk begitu rupa dari satu masa ke satu masa untuk bersesuaian dengan keadaan yang timbul pada sesuatu ketika. Tetapi dalam pada saya menyetujui pendapat ini, saya mempunyai reservation. Sekiranya Perlembagaan ini perlu dipinda, eloklah pindaan itu benar-benar untuk mengubah sesuatu keadaan masyarakat yang memerlukan pembaikan dan pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita kerana kami ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah dihantar oleh rakyat duduk di sini bagi bersama-sama dengan Kerajaan untuk memelihara dan menjaga kepentingan rakyat dan negara hanya diberi dua hari untuk menimbangkan satu pindaan yang begini serious dan pindaan Perlembagaan ini hanya baharu diterima beberapa hari dahulu padahal orang-orang yang dikatakan pakar dalam Attorney-General's Chambers telah mengambil masa dua tahun lamanya sebelum menelurkan pindaan yang telah ditegur oleh ahli undang-undang yang ada dalam Dewan ini pada hari semalam dan sebahagiannya pada hari ini. Jadi, saya berharap kiranya boleh supaya kami juga diberi peluang bukan selama dua tahun, sungguhpun kita bukan ahli undang-undang yang mahir, supaya kita dapat pindaan ini disusun dengan lebih kemas dan benar-benar tidak menimbulkan keraguan di hati sesiapa dan dalam kepala sesiapa pun. Kita tidak tahu sesuatu pindaan itu dibuat dalam Perlembagaan oleh kerana kecuai, umpamanya, Attorney-General's Chambers untuk membetulkan kecuai, maka sesuatu pindaan perlu didatangkan ke atas Perlembagaan. Dengan tidak bermaksud hendak menyentuh kesucian dan kelayakan Attorney-General's Chambers kita telah mempunyai pengalaman dalam negeri ini iaitu dalam banyak kes yang Kerajaan bawa

boleh dikatakan kesemuanya kalah. Saya tidak hendak menuduh sesiapa tetapi ini menunjukkan carelessness di dalam Attorney-General's Chambers.

Saya fikir ini satu perkara yang amat berat. Kalau kesalahan atau kesilapan itu dalam Undang-undang biasa tidak juga menjadi apa-apa, boleh dibetulkan. Tetapi kalau kesilapan dan kesalahan dilakukan di dalam undang-undang negara iaitu Perlembagaan negara inilah yang kita berasa sangat-sangat musykil. Oleh sebab itu, saya di sini setelah mendengar pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli yang mengerti dan faham, yang authority membincangkan perkara yang berkaitan dengan undang-undang, berharap sangat-sangat dan merayu kepada Kerajaan supaya kami diberi peluang lebih memikirkan segala implikasi yang ada atau yang akan timbul daripada pindaan-pindaan yang sedang dibincangkan ini.

Saya merayu ini kerana saya sendiri telah memerhatikan setelah dua tahun memikirkan pindaan Perlembagaan ini amendment masih coming lagi. What is it? Kalau mengandung anak maka dalam masa 9 bulan sudah sempurna, tetapi Attorney-General's Chambers mengandung pindaan Perlembagaan yang begini dalam masa dua tahun dan masih memerlukan pindaan. Ini satu keadaan yang amat memalukan. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan supaya memberi kepada kita peluang dengan cara melantik Jawatankuasa Dewan menyemak segala yang patut di dalam pindaan Perlembagaan ini dan dalam sebulan dua Dewan ini boleh dipanggil balik untuk meluluskannya. Cara yang dibuat itulah yang saya tegur, Tuan Yang di-Pertua, kerana ahli-ahli yang authority dalam perkara undang-undang masing-masing telah membentangkan pendapatnya, maka eloklah kalau Kerajaan dapat bersetuju mengadakan sebuah Jawatankuasa daripada Dewan ini untuk menimbangkan Perlembagaan ini. Kalau kita setelah dua puluh tahun merdeka kita dapat hidup dengan Perlembagaan yang ada and nothing serious happened barangkali untuk menunggu dua bulan bagi kita menimbangkannya tidak akan menjadi keburatan kepada pihak Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bercakap tentang Jawatankuasa Dewan atau Select Committee, semalam pun Ahli Yang Berhormat dari Kepong . . .

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): (Bangun).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar dahulu! Usul hendak membawa Rang Undang-undang ini kepada Select Committee boleh dibawa sebelum dikemukakan untuk diundi. Semalam Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada juga bercakap tetapi sebagai usul. Ahli Yang Berhormat dari Panti hanya merayu sahaja bukan sebagai satu usul. Sekarang sila teruskan.

4.28 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, di samping menggunakan Bahasa Malaysia, saya mohon izin mencampurkan bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya izinkan.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya izin membuat sedikit ulasan terhadap pindaan Fasal (4) Perkara 5 dalam Perlembagaan. Pada masa ini perhatian semua orang adalah tertumpu kepada Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan Malaysia Ketiga hanya boleh dijalankan dengan jayanya jika negara ini aman dan damai. Oleh yang demikian, saya sokong dengan sepenuhnya usaha Kerajaan untuk memperbaiki keadaan keselamatan dalam negeri yang sedang menghadapi anasir-anasir anti-nasional.

Tuan Yang di-Pertua, the question is, is it that we cannot afford not to have this Article amended or is it that the present law is not good enough to deal with the present situation? Jika sekiranya keadaan telah melarat dengan begitu buruknya hingga kita terpaksa meminda Perlembagaan, maka saya akan sokong pindaan-pindaan tersebut demi untuk kepentingan negara, pembangunan dan masa depan kita. Tetapi sebelum ini Kerajaan hendaklah memberi alasan-alasan yang sewajarnya kepada rakyat jelata dan memberi penerangan yang penuh kepada rakyat jelata bahawa pindaan ini adalah semata-mata untuk menentang subversif dan anti-nasional. Jika tidak, akan mengakibatkan ketakutan rakyat terhadap Kerajaan kerana Kerajaan meminda dengan sewenang-wenang sahaja terutama pindaan ini terlibat dengan hak-hak diri kemanusiaan yang semula jadi.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, Constitution is a basic law that runs a nation. It is of utmost importance to upkeep the spirit of

the Constitution. We have always accused the undesirable elements or anti-national elements saying that they are trying to destroy our free way of life or have no respect to the spirit of the "Rule by Law". So unless it is of utmost importance and unless it is of urgent need, otherwise we must not try to disturb the spirit of this Constitution which is the soul of the nation. Tuan Yang di-Pertua, otherwise the people will lose faith and have no confidence in the spirit of "Rule by Law". Thank you very much.

4.32 ptg.

Tuan Abdul Manan bin Othman (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin mencelah sedikit-sebanyak bahasa Inggeris di dalam ucapan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Saya bersetuju dan menerima apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini. Sebagai sebuah negara yang membangun Perlembagaan adalah satu working document yang selalu dan patut diubah untuk menyesuaikan zaman dari masa ke masa. Sebagai satu Undang-undang supreme, Perlembagaan adalah menjadi satu asas kepada keutuhan dan kedaulatan negara. Apabila pindaan-pindaan dicadangkan tidak syak lagi ada sungutan-sungutan dan kegelisahan di kalangan rakyat, terutama sekali pada masa sekarang di mana banyak perkara-perkara yang berbangkit.

Di sini saya suka menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, kepada Fasal 5 berhubung dengan fundamental liberties. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menyuara berhubung dengan fundamental liberties ini di mana semasa Perlembagaan ini digubal perkara ini memang diberi satu keistimewaan di dalam Perlembagaan oleh kerana adanya keraguan-keraguan seperti yang tercatat di dalam Lapuran Suruhanjaya Reid. Memang fundamental liberties ini telahpun ada di dalam Common Law tetapi seperti yang saya sebut tadi keistimewaan telah diberi oleh kerana adanya keraguan-keraguan daripada kalangan rakyat sekalian. Jadi pada hemat saya fundamental liberties inilah satu-satunya perkara, satu benteng besar bagi kita terutama sekali di masa sekarang untuk menentang apa-apa juga ancaman anti-nasional.

Kita menerima bahawa pada masa ini negara sedang diancam oleh anti-nasional. Extraordinary situation requires extraordinary measures dan barangkali dengan cara yang lebih sophisticated lagi daripada masa-masa yang lepas tetapi pindaan-pindaan yang dicadangkan itu membuang sekali fundamental liberties berhubung dengan detention dan ini pada pendapat saya boleh menakutkan rakyat dan kita berharap pihak Kerajaan akan menjalankan kuasa-kuasa ini dengan lebih berhati-hati supaya rakyat yang tidak berdosa tidak teraniaya.

Berhubung dengan insurgency yang ada sekarang ini, izinkan saya membaca petekan daripada satu buku yang ditulis oleh Sir Robert Thompson "Defeating Communist Insurgency" berhubung dengan perkara ini:

"Action in accordance with the law was a vital factor during the HUK insurgency in the Philippines where Magsaysay made a reality of the Constitution and in Malaya where the Civil Courts functioned normally through the Emergency. Statute law can be modified by Emergency law and laws of procedure and evidence can be simplified. There is nothing to prevent a government enacting very tough laws to cope with the situation, but the golden rule should be that each new law must be effective and must be fairly applied."

Berhubung dengan detention, buku itu juga menyatakan:

"Detention is, perhaps, one of the most controversial powers which a government may exercise. If the power to arrest and detain is clearly laid down within certain limits and the individual is given the full opportunity to appear, to be represented by counsel before a Tribunal presided over by a judge which advises the Government whether or not the case against the detainee is adequate, then there are sufficient safeguards to prevent the power being used for purely arbitrary arrest."

Jadi kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak yang berkuasa akan berhati-hati menjalankan kuasa-kuasa yang besar yang diberi di dalam pindaan ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin membawa kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan pindaan di dalam Fasal 27 yang mana Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Hakim

Negara boleh melantik Suruhanjaya Kehakiman bagi tiap-tiap tempoh atau apa-apa maksud. Sebenarnya peruntukan ini memang telah ada di dalam Perlembagaan tetapi terhad kepada kawasan-kawasan Sabah dan Sarawak sahaja. Tiap-tiap Hakim memang ada keistimewaan tempatnya di dalam Perlembagaan dan dengan keistimewaan itu maka dapatlah Hakim-hakim itu menjalankan tanggungjawabnya dengan bebas, dengan tidak ada arahan daripada mana-mana pihak. Di sini saya suka juga membaca daripada "An Introduction to the Constitution of Malaysia" oleh Tun Mohd. Suffian berhubung dengan kehakiman:

"To ensure that the courts can without fear or favour discharge their grave responsibility of pronouncing judgment on the validity of Executive or Legislative acts and on the meaning of any Provision of the Federal and State Constitutions, the Federal Constitution excludes Judges of the High and Federal Courts from the operation of the general rule set out in Article 132 (2A) that a member of the public service holds office during the pleasure of the Yang di-Pertuan Agong. They do not hold office at pleasure, and may be dismissed by the Yang di-Pertuan Agong only on the ground of misbehaviour or inability, from infirmity of body or mind or any other cause, properly to discharge the functions of the office—and then only on the recommendation of a Tribunal consisting of at least five judges and ex-judges."

Jadi dengan adanya definite tenure of office dapatlah dia menjalankan kuasa-kuasanya serta menjaga kedudukannya jealously. Dengan itu mereka tidak akan terpengaruh dengan kehendak-kehendak pihak Executive di dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Di dalam Huraian berhubung dengan Fasal 27 tidak termaktub apakah sebenarnya tujuan pindaan ini dikemukakan. Tetapi saya menyambut baik kiranya perlintikan ini akan dibuat untuk menguruskan dan mempercepatkan lagi pelaksanaan kes-kes yang banyak kebelakangan sekarang ini. Tetapi oleh kerana perlintikan ini adalah bagi apa-apa tempoh atau apa-apa maksud sahaja ini tidak akan memberi confidence kepada rakyat. Pihak Pesuruhjaya Hakim itu sendiri pun tentu tidak dapat menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya seperti Hakim biasa, sungguhpun ada kuasa, kuasa ia tahu bahawa tenure of officenya terhad.

Di dalam perkara ini saya suka juga memohon izin, Tuan Yang di-Pertua, membaca satu ucapan berhubung dengan tugas-tugas Hakim yang dibuat oleh Sir Winston Churchill di dalam Parlimen British dalam tahun 1954:

"They have to interpret the law according to their learning and conscience. They are distinguishable from the great officers of State and other servants of executive, high or low, and from the leaders of commerce and industry. The judge has not only to do justice between man and man, he also—and this is one of his most important functions considered incomprehensible in some large parts of the world—has to do justice between the citizens and the State."

Jadi, yang menjadi tanda tanya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah seorang Pesuruhjaya Kehakiman itu memenuhi tanggungjawab seperti yang dihasratkan itu?

4.43 ptg.

Tuan Mohd. Khir Johari (Kuala Muda):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menyokong dengan kuatnya segala kritik-kritik yang telah dicakapkan terdahulu daripada saya berkenaan dengan caranya Rang Undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan ini untuk dibahaskan.

Memang tidak boleh dinafikan walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengatakan dalam ucapan pembukaannya bahawa pihak Kerajaan telah mengambil masa selama dua tahun untuk menggubal pindaan-pindaan kepada Perlembagaan ini, maka cara yang telah dikemukakan Rang Undang-undang itu amatlah dikesalkan.

Kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Bar Council yang telah membuat teguran yang begitu bernas berkenaan dengan salah satu pindaan yang telah dicadangkan itu dan barangkali kalau tidak ada Bar Council itu tentulah tidak Kerajaan mengambil tindakan dengan tergesa-gesa untuk membuat pindaan kepada cadangan asal yang telah dibuatkan itu.

Saya suka juga menyentuh lagi satu perkara berkenaan dengan Huraian ataupun Explanatory Statement yang ada di belakang Rang Undang-undang ini. Oleh sebab kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini ialah bukan terdiri daripada

pakar-pakar undang-undang, saya rasa untuk masa yang akan datang sangatlah elok bagi pihak yang bertanggungjawab menghuraikan dengan lebih lanjut, dengan lebih panjang lebar lagi berkenaan tujuan-tujuan yang hendak mengadakan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan dan begitu juga Rang Undang-undang yang lain yang hendak dikemukakan ke dalam Dewan ini.

Saya amat tertarik hati kepada komen-komen yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang kepada cadangan untuk memasukkan Clause 125A yang baru berkenaan dengan Kuasa-kuasa Hakim-hakim. Jika pihak Kerajaan benar-benar ikhlas dalam perkara ini, saya tidak nampak ada apa-apa sebab yang menasabah kenapa pindaan tersebut dicadangkan menjadi sebahagian integral Perlembagaan ini mulai daripada Hari Malaysia. Untuk mententeramkan fikiran orang ramai dan untuk mengekalkan kepercayaan mereka terhadap Kerajaan saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang, iaitu juga pindaan itu dipersetujui. Undang-undang ini tidak akan mempunyai retrospective effect. Kata orang Inggeris: justice must not only be done but must be seen to be done.

Saya juga menyokong penuh berkenaan dengan cadangan hendak memindahkan kuasa berkenaan dengan bomba daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat dan saya berharap ini akan membawa perubahan-perubahan yang baik dalam perkhidmatan bomba dalam negara kita ini yang kalau dibandingkan sangat terkebelakang dalam soal perkhidmatan bomba.

Tetapi saya berasa musykil kerana dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan itu tidak ada satu pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan bersangkutan dengan BSN. Saya berharap dalam pindaan yang akan datang Kerajaan akan mencadangkan supaya BSN itu diberi satu status yang independent supaya dapat ia menjalankan tugas-tugasnya dengan bebas. Kita angkat topi kepada BSN yang telah menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan cemerlang, tetapi saya rasa barangkali kadang-kadang tangan mereka itu terikat dengan sebab mereka itu tidak boleh mengambil tindakan dengan sebab tidak ada political directive daripada pihak atas. Jadi, kalau kita mahu kepercayaan rakyat balik kepada Kerajaan kita mestilah Kerajaan sendiri mengambil initiative mengadakan pindaan berkenaan dengan status BSN ini.

Dengan sebab itu, saya menyokong penuh syor yang dibuatkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya diadakan satu Select Committee bagi Dewan ini, mengandungi wakil-wakil daripada semua parti supaya dapat kita menimbangkan bukan sahaja pindaan-pindaan yang dicadangkan hari ini, bahkan juga barangkali ada pendapat-pendapat yang lain, baik daripada pihak Kerajaan, daripada pihak bangku Kerajaan mahupun daripada pihak Pembangkang yang kita harap akan membawa faedah-faedah yang besar kepada Perlembagaan kita. Saya rasa Kerajaan tidak harus curiga, berkenaan dengan lulus atau tidak lulus pindaan ini, kerana mereka itu mempunyai majority yang cukup untuk meluluskan usul ini, tetapi soal yang penting bukan lulusnya pindaan ini, bahkan goodwill ataupun perasaan muhibah antara kita sama kita, lebih-lebih lagi dalam keadaan yang seperti ini di mana kita menghadapi musuh yang begitu kuat, kita harus menunjukkan perpaduan antara kita sama kita. Dan saya rasa pihak Pembangkang pun akan menyokong apa-apa juga pindaan yang dibuatkan oleh Kerajaan untuk membawa kebaikan kepada negara kita. Dalam soal ini saya rasa kasih sayang dan taat setia mereka itu tentu tidak kurang daripada Ahli-ahli daripada pihak Kerajaan dan sebagainya.

4.49 ptg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang sekarang dibentangkan di Dewan ini. Oleh kerana pindaan ini adalah berkaitan dengan bak-hak dasar asasi rakyat jelata kita, maka saya suka untuk membuat sedikit ulasan yang mustahak.

Secara ringkasnya pindaan ini adalah untuk mengubah Article 5 Perlembagaan Persekutuan di mana orang-orang yang ditangkap tidaklah payah dibawa ke hadapan magistrate di dalam masa 24 jam dan boleh ditahan dalam kurungan tanpa kebenaran magistrate. Sebab-sebab yang boleh diberi untuk pengesyoran pindaan ini adalah pihak-pihak berkuasa yang berkenaan mempunyai kesulitan untuk membawa orang-orang yang ditangkap ke hadapan magistrate pada masanya dan ada setengah magistrate enggan untuk memberi masa yang lebih lanjut bagi penyiasatan polis dan anasir-anasir subversive

sekarang telah menjadi lebih bercorak sophisticated dengan demikian mengecewakan penyiasatan polis.

Mungkin ada Ahli-ahli di Dewan ini yang tidak begitu menyedari akan cara-cara bagaimana seorang yang ditangkap boleh ditahan dengan perintah magistrate. Secara ringkas sebarang pekerja yang berkuasa yang menyiasat sesuatu kesalahan jenayah mesti menunjukkan buku peringatan penyiasatan yang ringkas sepertimana yang dikehendaki di bawah Kod Acara Jenayah (Criminal Procedure Code) dengan memberi butir-butir kesalahan yang dituduh di hadapan seorang magistrate. Sesudah menyemak maklumat itu dan berpuashati mengenainya maka baharulah magistrate itu memberi pihak berkuasa yang berkenaan perintah untuk menahan. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak memakan masa yang banyak lebih kurang 15 minit.

Sepanjang ingatan saya yang lama telah berkhidmat dengan Kerajaan, magistrate-magistrate kita adalah adil, bertimbang rasa lagi bertanggungjawab. Sudah tentu kita mempunyai penolakan-penolakan untuk tahanan, dan ini adalah disebabkan kerana butir-butir faktor dalam buku peringatan penyiasatan itu tidak kuat. Anasir-anasir subversive mungkin telah menjadi semakin bercorak sophisticated. Satu soal timbul di fikiran saya mengapa kita tinggal kebela-kangan? Kita sentiasa diingatkan di Dewan ini, iaitu keadaan keselamatan ada terkawal. Masalah utama yang menyusahkan setengah-setengah jentera Kerajaan kita, bukannya kita tidak ada undang-undang yang cukup untuk mengadakan sesuatu situasi lama atau baru. Kita telah meluluskan terlampau banyak undang-undang pada tahun-tahun yang lalu hinggan ianya telah mengelirukan kita. Salah satu iklan gimmick di Petaling Jaya terlintas difikiran saya: "Kamu sebut sahaja, kami pasti ada". Apa yang sangat kita kehendaki bukanlah undang-undang yang terlampau banyak tetapi ialah untuk mencari jalan bagi membaiki kecekapan jentera Kerajaan dan orang-orang yang terlibat secara langsung di dalam implimentasi undang-undang sekarang yang mengendalik anasir-anasir subversive, anti-nasional dan juga semua anasir-anasir jenayah yang lain yang merosakkan masyarakat kita. Keselamatan negeri kita adalah tanggungjawab bagi setiap dan semua rakyat jelata. Jadi, kita mesti melibatkan mereka dengan segera dalam peperangan rakyat ini.

Sesuatu undang-undang yang luar biasa atau sesuatu undang-undang mutlak mungkin tidak semestinya berhasil apabila dilaksanakan dan bahkan mungkin pula mendatangkan kemalangan sebaliknya. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Albert Mah: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, *unrestrictive powers in the hands of the Police do not necessarily make them effective or efficient. It may blunt their intelligence, their initiative, their imagination and also their investigative mind.*

Police Officers are, by and large, zealous and dedicated people. They have been drilled and trained over the years to inculcate into them such qualities. Some may become more zealous and there are some who are irresponsible in spite of the training received. Therefore, it is important that an independent person like a magistrate, who is learned and unbiased, will be able to act as a safeguard against abuses.

Laws cannot be made for each and every human situation. We must not enact laws that would shake the confidence of the people in our Police.

Let me remind this House and the people of Malaysia that we must be prepared for the long-drawn fight against militant communism subversion and other threats against our country. We may have to learn to live with this menace. Many would have to make the extreme sacrifice so that others may continue to live a free and democratic life.

To meet the threat, we must find new ways and means to marshal the full support of our people, who must be made to feel that they have a stake in this country. Unless this is done, the people may lose the will to fight—out of frustration.

Communist ideology has made heavy inroads into many democratic countries in Asia but whether it will eventually triumph depends upon how democratic principles are actually practised in each country. Tuan Yang di-Pertua, we can be defeated by our own default.

4.57 ptg.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian setakat ini supaya ada satu dua perkara yang saya fikir kalau saya dapat terangkan tidak berpanjangan diulang atas dua perkara yang saya fikir patut saya mengambil bahagian sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjawab atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini.

Yang pertamanya, saya hendak menyentuh berkenaan dengan pindaan Clause 4, berkenaan dengan Article 5 dalam Perlembagaan kita yang mana pindaan telah dibuat. Di sini dengan ikhlasnya saya mengakui dan menerangkan dalam Dewan ini mengenai beberapa clause bukanlah tujuan pindaan oleh Kerajaan itu hendak meminda Article 5 (3) yang sebenarnya Article 5 (4) sahaja, tetapi apakala telah dicetak perkara ini, saya pun terpandang dan juga perkara ini telah dibangkitkan oleh a Member of Bar Council dimasukkan ke dalam suratkhbar dan pindaan itu telahpun dirundingkan dan dibuatkan sehari atau dua hari sebelum perkara ini dibangkitkan dalam akhbar oleh Bar Council. Yang sebenarnya kita tidak ada niat Article 3 itu hendak dipinda. Article ini sangat mustahak yang berbunyi:

"(3) Where a person is arrested he shall be informed as soon as may be of the grounds of his arrest and shall be allowed to consult and be defended by a legal practitioner of his choice."

Itu sememangnya Kerajaan tidak hendak menyentuh hak-hak seorang itu yang mana seorang peguam boleh membelanya. Dengan sebab itulah kita telah membuat pindaan dan juga bersama-sama dengan Ahli dan Pengerusi Bar Council telah masuk dalam akhbar atas perkara itu.

Perkara 4 tujuan pindaan ini yang sebenarnya yang kita membuat pindaan kemudian, saya menerangkan di sini supaya semua cukup faham. Dalam undang-undang kita sebelum merdeka, ada satu undang-undang dikenali Restricted Residence Ordinance (FMS) yang dipakai oleh semua negeri dan sangat-sangat berguna pada masa itu bagi kita mencegah jenayah-jenayah, ketua-ketua jenayah yang mana kebanyakan orang awam tidak berani tampil ke hadapan memberi keterangan dan dengan sebab itulah undang-undang itu diadakan. Ditangkap mereka itu

selepas disiasat oleh Polis dan dihadkan kedudukannya satu-satu tempat. Undang-undang itu berjalan selepas perang Dunia Kedua dan lepas merdeka pun berjalan juga Restricted Residence Ordinance itu.

Dan dalam Undang-undang itu tidak ada peruntukan yang menyatakan mesti dibawa dihadapan magistrate dalam tempoh 24 jam. Undang-undang lain semua ada peruntukan. Di dalam Kod Acara Jenayah atau Criminal Procedure Code, apa-apa tangkapan mesti dibawa di hadapan magistrate dalam tempoh 24 jam. Tetapi di bawah Restricted Residence Ordinance tiada peruntukan itu dan telah dijalankan hingga sekarang ini tangkapan itu dihadkan, mereka itu ada di antaranya dihantar ke Pulau Jerejak dan lain-lain dan menunjukkan negeri kita bertambah aman, boleh menjalankan itu, tetapi tidak ada dibawa di hadapan magistrate. Kalau kita pandang sehalus-halusnya seolah-olah perkara ini telah bercanggah dengan Perlembagaan yang ada.

Perkara ini telah di challenge sekali di Mahkamah, bukan di Mahkamah Persekutuan, di Mahkamah Tinggi sahaja, tetapi Mahkamah Tinggi telah menolak perbicaraan itu mengatakan boleh dijalankan tetapi pada pandangan saya dan lain-lain juga ada kebimbangannya yang perkara ini boleh jadi menyalahi Perlembagaan. Padahal kita telah menjalankan kerja ini daripada semenjak Perang Jepun sampai sekarang di bawah Restricted Residence Ordinance, dengan sebab itulah disebut khas di sini: *Provided that this Clause shall not apply to the arrest or detention of any person under the existing law which makes no provision for the production of such person before the magistrate.* Ini bermakna tujuan Rang Undang-undang ini ialah satu sahaja Undang-undang yang ada. Undang-undang yang ada sekarang yang berjalan yang tidak ada peruntukan di bawa kepada magistrate ialah Restricted Residence Ordinance, itulah tujuannya. Undang-undang yang ada sekarang itulah satu Undang-undang. Kalau pada masa akan datang akan dibuat Undang-undang dengan tidak diberi peruntukan dibawa di hadapan magistrate di dalam tempoh 24 jam maka tidak sah. Ini terang dan nyata untuk legalising perkara yang telah berlaku hingga hari ini iaitu Restricted Residence Ordinance yang mana berapa banyak masa ini telah dihadkan kedudukan di mana merata-rata tempat di Tanah Melayu. Itulah sebabnya saya mencragkan

di sini janganlah ada ragu-ragu tentang interpretation on the proviso yang ada ini: "existing law" itu maknanya satu sahaja yang ada Restricted Residence Ordinance, tidak boleh pada masa akan datang kalau kita membuat Undang-undang baharu atau pinda Undang-undang yang ada ini supaya tidak dibawa di hadapan magistrate maka ini akan menyalahi Perlembagaan. Sekarang saya fikir dengan penerangan ini tidaklah timbul apa-apa lagi salah sangka berkenaan dengan mengapa dipinda Artikel 4 daripada Fasal 5 untuk membetulkan perjalanan yang telah berjalan hingga sekarang ini dan Undang-undang itu masih berjalan.

Perkara yang kedua yang saya hendak bawa ialah berkenaan dengan pindaan Artikel 125. Dan izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya gunakan juga bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Artikel 125 ini ialah Clause 28. Clause ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak kita semak balik Perlembagaan yang telah dicap dalam Artikel 125 (10) saya bacakan di sini:

"A judge of the High Court who is appointed to be a judge of the Federal Court shall cease to be a judge of the said High Court." Ini bermakna bila seorang Hakim daripada Mahkamah Tinggi dilantik menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, dia tidak ada kuasa lagi menjalankan perbicaraan Hakim Mahkamah Tinggi (High Court). Maka dengan sebab banyak perkara, kadang-kadang kes-kes di Mahkamah Tinggi bertimbun-timbun tidak dapat dihabiskan dan kadang-kadang kes-kes ada di Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Ulangbicara, maka adalah difikirkan dengan kehendak Lord President masa itu boleh digunakan Hakim-hakim daripada Mahkamah Persekutuan itu membicarakan kes-kes di Mahkamah Tinggi. Tetapi Perlembagaan telah melarang mengatakan bila seseorang Hakim Mahkamah Tinggi naik pangkat kepada Hakim Mahkamah Persekutuan (Federal Court) dia tidak ada kuasa lagi maka kehendaknya ialah pada masa itu kita bawa di Parlimen, semua dalam Parlimen bersetuju dan pada pendapat saya juga boleh apabila kita delete, amend—buangkan Artikel (10) yang ada itu, maka bermaknalah seseorang Hakim yang ada di Mahkamah Tinggi itu

dinaikkan ke Mahkamah Persekutuan tidaklah dia terhenti atau hilang kuasanya untuk membicarakan kes-kes Mahkamah Tinggi. Itulah tujuannya masa itu dan dengan sebab itulah kuasa itu ada.

Saya suka menerangkan di sini, saya minta lapuran daripada Mahkamah Tinggi, daripada Ketua Pendaftar, semenjak dipinda daripada 19hb September, 1971 Akta A 31/71 beberapa ramai Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan telah membicarakan kes-kes Mahkamah Tinggi; ada empat Hakim-hakim yang telah menjalankan perbicaraan. Misalnya, Justice Gill telah menjalankan enam perbicaraan tahun 1972 dan lima kes tahun 1973 dan sebelas civil cases, itu semuanya civil cases. Justice Ali Hassan masa di Mahkamah Persekutuan ada menjalankan juga. Justice Tan Sri H. S. Ong tahun 1971 dua criminal cases di Alor Star 1972, tiga kes Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, 19 kes di Pulau Pinang, dua kes di Alor Star, tahun 1973 dua criminal cases di Pulau Pinang, tahun 1974 dua criminal cases di Pulau Pinang. Raja Azlan Shah telah dilantik Hakim Mahkamah Persekutuan tahun 1973 dalam tahun 1974 sahaja dia telah mendengar 9 kes jenayah di Mahkamah Tinggi di Ipoh dan lain-lain kes. Beberapa banyak kes-kes yang telah dijalankan kerana Perlembagaan telah terang dan nyata apakala ditarik, dikeluarkan Article (10) itu memberi kuasa bermakna berhak Hakim daripada Mahkamah Persekutuan boleh membicarakan kes-kes di bawah. Tetapi apakala kita hendak pinda selepas pada itu, saya fikir sudah sampai masanya kita buat Perlembagaan baharu, dan empat lima kali dipinda, dan kebanyakan Perlembagaan yang ada pada Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak ada up-to-date, rasa saya pindaan yang kita hendak capkan satu Perlembagaan baharu yang mana semua pindaan-pindaan itu dimasukkan semua supaya tidaklah ada bertampal-tampal banyak. Apakala dibuat pindaan baharu, mana-mana pindaan yang ada, saya baca Artikel (10) ini tidak ada lagi, maka dengan sebab itu tidak ragu-ragu pada seorang itu mengenai Hakim Mahkamah Persekutuan ini boleh membicarakan kes-kes di Mahkamah Tinggi padahal benda ini sudah tiada lagi oleh sebab Perlembagaan baharu. Maka dengan sebab itulah kita buat declaratory menyatakan yang kita buat pindaan ini ialah untuk menunaikan hasrat dan tujuan Parlimen yang dibuat dalam tahun 1971 yang

semuanya masih ada lagi masa itu bersetuju dan masa telah berjalan dengan baiknyanya dengan tiada apa-apa, tetapi bendaklah kita declarekan pindaan itu supaya menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Bukanlah bermakna perkara ini dibuat dengan terburu-buru dengan sebab satu-satu tujuan yang ada sekarang ini dan perkara ini pula saya ada bawa di sini "Cabinet Paper" yang telah diluluskan Artikel 125 yang ada di hadapan saya sekarang ini bertarikh 26hb November, 1975. Masa itu Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dahulu. Artikel 125 meminda perkara-perkara ini. Bukan dibuat baharu-baharu ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya menerangkan dengan ikhlas di sini apa yang ada di hadapan saya ialah "Cabinet Paper" yang saya ambil menunjukkan pindaan-pindaan ini ialah bertujuan dengan ikhlas dan menerangkan apa yang telah berlaku selama ini bukan dengan ada tujuan yang lain.

Saya juga ingin menyentuh mengenai pandangan yang diberi oleh sahabat lama saya Ahli Yang Berhormat dari Pant. Tentulah pegawai-pegawai saya yang ada di belakang sana kecil hati kerana mereka dikatakan membuat kerja dengan kelalaian dan kecuaiian di Attorney-General's Chambers. Saya hendak terangkan di sini iaitu saya telah memegang jawatan ini, rasa saya, saya adalah anak Malaysia yang pertama sekali mengambil teraju daripada orang Inggeris, dan saya menjadi Peguam Negara sehingga sekarang ini sudah selama 14 tahun, sehingga saya ini dikatakan seorang Menteri Undang-undang yang sudah lama sekali dalam Commonwealth. Sudah lapuk katanya, ada Menteri Undang-undang negara lain yang sudah mati tetapi Kadir go on for ever. Rasa saya apabila sampai masanya, saya akan meninggalkan tugas ini kerana sudah lama sangat. Tetapi dalam masa 14 tahun saya telah menjalankan satu tugas yang amat berat iaitu tugas yang dibenci oleh orang. Pendek kata, kerja Peguam Negara dan Menteri Undang-undang ini siapa pun tidak suka, khasnya orang politik yang baru-baru naik, tetapi demi kepentingan negara, rakyat dan segala-galanya saya jalankan, walaupun orang benci saya dan juga pegawai-pegawai di Jabatan saya itu. Walau bagaimanapun, sebagai manusia mesti ada silap sedikit-sebanyak. Saya mengaku semua orang ada kesilapan, dan juga kita tahu dalam masa 15 tahun berapa ratus undang-undang yang

telah dicurahkan ke dalam Parlimen ini yang dibuat oleh 4-5 kerat sahaja di Jabatan saya itu, sehingga ada yang bekerja sampai pukul 12.00 malam bagi mengeluarkan seberapa banyak undang-undang yang dikehendaki oleh negara.

Misalnya, dalam masa tembak-menembak pada 13hb Mei, 1969 dahulu, ketika peluru siang-siung, pegawai saya di dalam Jabatan saya itu masing-masing menyorok di dalam bilik selama 5-6 hari, dan pada masa itu saya dan pegawai saya bertungkus-lumus dalam chamber itu membuat undang-undang kerana Kerajaan tidak ada pada masa itu. Sekiranya ada kesilapan yang terdapat di sana-sini memanglah saya akui ada, tetapi kalau dikatakan perkara ini terjadi kerana kecuaiian atau disengajakan, atau dibuat dengan terburu-buru, ini adalah tidak benar sama sekali. Pindaan ini mengambil masa sekurang-kurangnya selama 2 tahun bukan hendak menggubal itu 2 tahun, hendak menggubal itu sekejap sahaja boleh. Tetapi masa merundingkan hendak meminda Perlembagaan ini banyak Kementerian yang terlibat di dalamnya, bukan Kementerian Undang-undang sahaja. Perkara bomba kita mesti tanya semua Negeri-negeri dan hendak bertanya pula kepada Kementerian yang berkenaan. Perkara kerakyataan, Kementerian lain pula yang berkenaan, kemudian ada pula Jawatankuasa Kecil yang membahaskan. Tiap-tiap Kementerian yang bersabit dalam perkara ini hendaklah membahaskan dari satu masa ke satu masa. Itu adalah mengambil masa yang panjang. Untuk meminda dan menggubal, kalau benda sudah siap tidak payah lagi. Ini mengambil masa yang panjang, menunjukkan betapa telitinya tiap-tiap satu Kementerian yang hendak mengemukakan apa-apa pindaan di dalam Perlembagaan kerana Jabatan Perdana Menteri dan saya juga telah menghantarkan Surat Pekeling kepada semua Kementerian, sekiranya apa-apa perubahan yang hendak dibuat dalam Perlembagaan hendaklah masing-masing membuat rumusan dan dihantarkan kepada Kementerian saya. Perkara ini mengambil masa dan tiap-tiap Kementerian akan mengemukakan bermacam-macam rumusan, ada yang boleh diterima dan ada yang tidak boleh terima. Selepas itu ada pula Jawatankuasa Official yang menimbang dari semasa ke semasa. Kemudian dibawa pula beberapa kali kepada Kabinet supaya diperbaiki dan diperbetulkan, dan apabila sampai ke Parlimen masih lagi

ada kesilapan seperti pindaan-pindaan yang akan dikemukakan dalam peringkat Jawatan-kuasa. Jika sekiranya mengatakan Kementerian lalai, cuai, itu terpulanglah kepada rakyat jelata dan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan pegawai-pegawai saya yang telah tahu yang saya telah berkhidmat selama 15 tahun dalam Kementerian ini.

Pada masa ini pegawai-pegawai kita ramai yang telah meletakkan jawatan, dalam tahun lepas sahaja seramai 20 orang telah meninggalkan tugas ini sehingga tiap-tiap seorang pegawai undang-undang terpaksa menjalankan tugas yang biasanya dijalankan oleh 3-4 orang pegawai. Pada tahun ini barulah dapat ditambah seramai 25 orang itupun yang baru lulus daripada jabatan undang-undang. Kalau baru lulus sebulan, hendak buat apa—belum ada pengalaman. Kita tahu pendapatan seorang peguam di luar itu 3-4 kali ganda daripada apa yang didapati dalam Jabatan Kerajaan dan mereka ini sanggup taat setia, dan ada pula yang mengatakan kepada saya: tidak mengapalah Tan Sri saya masih berkhidmat dengan negara, walaupun ada banyak offer di luar dengan pendapatan 3-4 kali ganda. Saya mengatakan syabas dan inilah yang saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menimbangkan perkara-perkara ini dan kalau hendak bercakap saya tidak marah kerana sebagai Ahli Yang Berhormat berhak menegur, tetapi biarlah saya pikul tanggungjawab itu walaupun ada kesilapan yang dibuat oleh pegawai saya.

Saya mengetahui teguran-teguran daripada Ahli Yang Berhormat itu datang daripada hati yang ikhlas dan kita bagi pihak Kerajaan yang membawa Perlembagaan ini pun ialah dengan niat yang ikhlas demi kepentingan negara dan bukan dengan ada sebab atau ada tujuan-tujuan apa-apa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan ini, saya rasa banyak menaifatnya.

5.15 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris:

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, whenever I went overseas meeting people, I always came away

with a sense of pride that our country is among the few which upholds the Rule of Law and guarantees the liberties of the subjects. It is, therefore, with some concern that I find today among the proposed amendments to the Constitution that there is one which appears to whittle the fundamental democratic rights of the subjects. I refer to Clause 4 of the Bill. With the proposed amendment to Clause 4 in the Committee Stage, all persons detained under any law which does not specifically provide for the production of that person before a magistrate within twenty-four hours would not be required to be so produced. How many laws are there which require the arrested persons to be so produced? With respect to the Honourable Attorney-General, I feel that most laws or Acts and Ordinances would not have the provision for an arrested person to be produced before a magistrate within twenty-four hours save under the Criminal Procedure Code . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar, sabar!

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang dengar ucapan Yang Berhormat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Padawan bercakap kuat sedikit supaya dengar.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Ya, Tuan Yang di-Pertua, that would mean that any suspect arrested or detained under any law other than the Criminal Procedure Code will lose the right of being produced before a magistrate within twenty-four hours. Therefore, may I ask why cannot we limit the cases only to those arrested or detained under the Internal Security Act or the Restricted Residence Ordinance or other laws relating only to the security of the Federation instead of making areas so wide?

Tuan Yang di-Pertua, another unwhole-some aspect or feature to the Clause is the implication that the production of an arrestee or a detainee before a magistrate would be undesirable. So, the procedure must be eliminated. Would the appearance before a magistrate upset the cause of justice? Has it been found to be impracticable for such a procedure to be followed? If so, we would like to be informed and be satisfied; otherwise, there will always be a feeling that the Executive does not trust the Judiciary.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Clause 8 seeks to place other foreign countries on the same footing as the countries of the Commonwealth to which we belong. At a time when there is a need for strengthening our Commonwealth ties and promoting mutual assistance, this amendment to the Constitution may loosen further our close association with the Commonwealth countries. Anyway, I do hope that the effect of this amendment would not be such as to render some of our students in the Commonwealth countries becoming stateless persons.

With these observations stated by me on these two Clauses, I support the Bill.

5.21 ptg.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undag-undang ini, saya minta izin bercakap bahasa Inggeris di mana saya tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Dr Lim Chong Eu: Tuan Yang di-Pertua, saya bernasib baik sekali sebab di dalam Dewan ini ada lagi beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk yang ada di dalam Dewan Negara yang kita sama-sama membincangkan Perlembagaan Asas Persekutuan Tanah Melayu dan sekarang kita hendak membuat pindaan besar Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

(*Dengan izin*) It is a good thing that we have this continuity. Admittedly, there are just a few left who can go all the way back. Tetapi bila kita mengambil keputusan yang negara kita mestilah elok mengikut satu Perlembagaan bertulis atau a written Constitution yang kita terima dan menjadi satu tanggungjawab yang berat yang mana semua warganegara Malaysia mesti faham di dalam Perlembagaan negara kita bahawa seorang warganegara, seorang rakyat atau tiap-tiap rakyat di dalam Malaysia hendaklah mempunyai sedikit liberty atau kebebasan persendirian dalam negara kita.

The basis of a written Constitution is that each individual constituting a nation must voluntarily give up some of his liberties to co-operately establish the freedom and the

liberties of the nation. Tetapi berikutan dengan satu Perlembagaan yang bertulis selalu kalau kita bawa pindaan dan adalah banyak orang yang tidak puas hati menuntut just the dots and the "Ts" mengatakan pindaan ini tidaklah begitu sesuai dan pindaan ini tidaklah elok. I think we can be carried away with details and forget the fact that this amendment, as proposed in fact, makes the country a better country; that this proposal of amendment to the Constitution brings the country together, brings the States and the Federal Government closer together; it creates more uniformity within the country as a whole and brings what was once referred to as Sabah and Sarawak, the Eastern States of Malaysia and the Peninsular States of Malaysia into a whole. Sebab itu saya menyokong Rang Undang-undang meminda Perlembagaan ini.

In particular, I would like to refer to Clauses 7 and 23. Di bawah Fasal 23 dalam Rang Undang-undang ini, we seek to amend atau membuat pindaan atas Perkara III di dalam Perlembagaan lama. This will enable the Federal Government to work much more closely with the State Governments and vice versa for the State Governments to work closer together with the Federal Government, particularly with regard to the securing of funds for financing projects in the States. I hope that the Federal Government, once this Constitutional Amendment Bill is passed, will set up a Committee or a body which will enable the Federal Government to work closely with the State Governments which seek to apply for the provisions of this particular amendment to be made applicable to their States. Here, I would like to take the opportunity to thank the Federal Government for having given the State Government of Penang every opportunity to make use of development funds through this particular provisions of the Constitution. I am sure that the amendment will make it easier for all the other States in the Federation in future to do so.

Tetapi mengikut Fasal 7, saya harapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh beri keterangan yang jelas bagaimana Kerajaan akan mengambil tindakan tegas bila seseorang warganegara Malaysia dilucutkan kewarganegaraannya. I hope that the Honourable Prime Minister, as he has stated in his opening speech, will take the opportunity to clarify this problem of deprivation of

citizenship. I am quite certain that the provision of this Clause or amendment is quite in accord with the general principles of the changes which have taken place in the Commonwealth. However, there is a sense of loss that the citizenship possessed by Malaysians can be deprived of them. This does give rise to a certain sense of uneasiness. I am very certain that the Government has got no intention whatsoever to make this Clause whereby the deprivation of citizenship will lead to either statelessness or the deprivation of citizenship will make it impossible for those so deprived unless they have done any serious injury to the nation to allow them to discontinue having residence in our country. I think an explanation whether or not deprivation of citizenship will be tantamount to making a person stateless and the Clause here so provides that only persons enjoying the fundamental rights of other countries, apa-apa hak yang diberi hanya kepada warganegara-warganegara negeri itu sahaja. If there is any person who so enjoys any of the rights that are pertaining to the country which so accords it to him would be liable to deprivation of citizenship. There may be several rights, but certainly it would require a very careful interpretation of this Clause, so that it cannot in future just be interpreted if it so happens that somebody goes to another country and he is accorded one of the rights as a special honour then he immediately loses his citizenship by too strict an interpretation of this Clause. I think what is intended is to make sure that the Malaysians are completely single-minded towards serving the interests of the Malaysian nation. There are still unfortunately in the country people who are ambivalent who want to enjoy the rights of being Malaysians and at the same time enjoy some of the comforts and benefits of other countries. I think that is what we are all against. But do not let it be that some trivial application of this particular Clause in the strict black and white sense lead to deprivation and certainly I agree with the Honourable Member for Padawan that we hope that any deprivation would not lead to a situation of statelessness. I would like a clarification from Government whether or not the question of residual State citizenship—State within the Federation—would still be involved when deprivation is taken. I am certain that this particular Clause would only apply to very, very few people in our country.

Sebab itu saya berasa Fasal 5 hingga 8 di dalam Rang Undang-undang ini tidaklah payah dibuat kacau yang banyak di dalam negara kita.

But nevertheless, it does require to be stated in this House for record purposes that this particular Clause is meant only to be taken against those who are in their heart of hearts and in their mind of minds not really owing undivided loyalty to the nation. I am sure that by passing these amendments and by approving these amendments, all the Members in this House will be making it sure that every Malaysian who enjoys the rights and privileges of being called a Malaysian, as the Honourable Member for Padawan said, no matter where he goes, really truly represents his undivided loyalty and never should the loyalty of Malaysians be challenged again.

Saya berasa, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di dalam Perlembagaan Persekutuan telah lama dibincangkan dengan teliti, dan saya berasa Yang Berhormat dari Kuala Muda tadi ada mencadangkan yang baik sekali supaya Rang Undang-undang ini diserahkan kepada satu Jawatankuasa Dewan ini.

I do not think this is very necessary because in all the changes that have taken place to the Constitution ever since the country was formed and ever since the country became independent, it has been this House which decided upon the changes to the Constitution and I can only suspect that the Honourable Member for Kuala Muda, with whom I have had very close relations right at the very first proposals for the Constitution of our country, only feels what I have stated earlier, the unease whenever any changes are made to the Constitution because in a written Constitution, any changes, I think, can only make things a little bit worse or look a little bit worse but never really make it look very much better.

Tetapi apa yang mesti kita pertimbangkan ialah adakah Rang Undang-undang ini sekarang sungguh-sungguh hendak membawa negara kita lebih rapat dan lebih kuat di masa hadapan atau adakah Rang Undang-undang ini hendak jahanamkan negara kita. Saya berasa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang ada ini adalah sungguh-sungguh will make the nation much more united, much more uniform and stronger and for that reason, I support it.

5.35 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama membahaskan pindaan Akta Perlembagaan Persekutuan. Pertama sekali, saya turut menyokong pindaan-pindaan yang tersebut di dalam Akta ini memandangkan kalau kita kaji sejarah negara kita asas untuk mencapai kemerdekaan dahulu ialah berdasarkan kepada perpaduan yang ada di dalam negara kita yang berbilang bangsa dan berbilang agama.

Saya telah perhatikan dan saya telah membaca Huraian-huraian yang tersebut di dalam Perlembagaan pindaan ini, saya dapati tujuannya ialah semata-mata untuk menitikberatkan kepentingan orang ramai dan untuk merapatkan lagi perhubungan dan memperkuat lagi keadaan negara kita. Memanglah timbul syak wasangka yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, saya rasa bukannya daripada segi pindaan-pindaan itu, tetapi ialah daripada keraguan terhadap peralamannya kelak daripada pindaan-pindaan yang dikekukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada diri saya terutama sekali Fasal 4 pindaan Perkara 5, saya menyokong pindaan ini demi untuk keselamatan negara, bagi menjamin kepentingan orang ramai. Masalah keraguan implimentasi seperti yang disebutkan, ada contoh-contoh oleh parti pembangkang; Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membuat dua tiga contoh, ini adalah semata-mata daripada segi implemantation. Saya percaya perkara ini tidak akan berlaku lagi, kerana walaupun perkara ini telah berlaku kerana warganegara kita daripada sehari ke sehari bukannya makin bodoh tetapi bertambah cerdik dan saya percaya tidaklah betul perkara-perkara teraniaya yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 21 meminda Fasal 2 Perkara 106 Perlembagaan—membolehkan Juruodit Negara diberi kuasa-kuasa dan tugas-tugas oleh Undang-undang Persekutuan berkenaan dengan akaun-akaun bagi badan lain daripada Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Awam yang mungkin ditentukan dengan perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini adalah satu pindaan yang baik untuk mengawal perbelanjaan yang ada pada setiap negeri yang dijalankan oleh badan-badan awam. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya

minta perkara ini sebagai satu perhatian, boleh juga kalau tidak ada persediaan yang lengkap daripada pihak Kerajaan Pusat boleh menimbulkan masalah, sekiranya di Jabatan Juru Odit Negara tidak mempunyai pegawai dan kakitangan yang cukup dan ini boleh melambatkan dan akan menimbulkan kesulitan pula bagi negeri-negeri yang hendak mempercepat ataupun yang hendak memajukan keadaan mereka.

Fasal 23 seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang tadi, saya pun turut sama-sama menyokong perkara ini, tetapi ingin memberi perhatian sedikit terutama sekali daripada segi kelulusan pihak Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Persekutuan untuk meluluskan sebarang rancangan meminjam oleh Kerajaan Negeri. Kita kerap kali mendengar masalah berlaku antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat iaitu perkara salah-menyalah, kalau berlaku kelambatan itu di pihak Kerajaan Negeri; Kerajaan Negeri akan menyalahkan: Oh! kerana ni lambat, belum mendapat jawapan daripada Kerajaan Pusat dan sebagainya. Perkara-perkara seperti perbalahan, sengkita dan sebagainya ataupun communication gap yang berlaku di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat ini, saya berharap tidak akan timbul lagi dan tidak akan mengelirukan orang ramai tentang masalah kedudukan perhubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat.

Dan juga saya percaya pindaan ini akan dapat menolong pembangunan sesuatu rancangan di peringkat negeri di dalam masa jangka panjang, kerana selalunya kebenaran yang hendak dipinda ialah daripada satu tahun kepada lima tahun. Dan dengan adanya undang-undang pindaan ini bolehlah kita menghilangkan keraguan daripada harta-harta orang ramai kepunyaan Kerajaan tidak akan tergadai sekiranya berlaku peralihan sebarang pentadbiran di peringkat negeri kerana kuasa maktamat itu ada kepada Kerajaan Pusat.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 24—Fasal (2) Perkara 112—bagi membolehkan negeri-negeri membuat tambahan-tambahan kepada perjawatan-perjawatan jabatan-jabatannya. Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, satu pindaan yang amat penting kerana selalunya pembangunan sesuatu negeri itu kadang-kadang tersekat, kerap kali kita dengar rungutan-rungutan daripada pihak

negeri iaitu kerana tidak cukup pegawai; tidak dapat tambahan, hantar surat kepada Perbendaharaan, susah; jawapannya lambat dan sebagainya. Pada kali ini dengan adanya pindaan kuasa-kuasa yang tertentu telah diberikan kepada Kerajaan Negeri. Kami daripada Dewan ini mengharapkan kepada Kerajaan Negeri kuasa-kuasa yang diberikan melalui pindaan ini jangan disalah-gunakan dan hendaklah digunakan semata-mata demi untuk pembangunan negara yang boleh menguntungkan dan memberi menafaat kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi Fasal 27, saya ingin juga menyentuh di sini dari segi kedudukan Pesuruhjaya Kehakiman. Walaupun di sini Suruhanjaya Kehakiman ini mempunyai kuasa bagi menjalankan tugas seorang hakim dan akan menikmati immunity sama seperti yang dinikmati oleh seorang hakim, tetapi hakikat daripada segi teknik ataupun technically Suruhanjaya Kehakiman ini tidak seorang hakim mempunyai betul-betul seperti hakim. Dengan ini inginlah saya hendak bertanya kepada pihak Kerajaan adakah jawatan Suruhanjaya Kehakiman ini dianggap sebagai satu qualification untuk memilih para hakim pada masa yang akan datang jawatan Suruhanjaya Kehakiman ini dibentuk?

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak yang telah merangka pindaan daripada perkataan "Gabnor" iaitu Fasal 42 kepada "Yang di-Pertua Negeri". Ini saya rasa amatlah sesuai. Kerana saya terangkan di awal ucapan saya sebab kita ini dulu mencapai kemerdekaan daripada penjajah, banyak lagi perkataan-perkataan atau pengaruh penjajah yang masih kita gunakan di dalam Perlembagaan kita. Jadi, perkataan "Gabnor" ini pun kita pinjam daripada penjajah, hampir-hampir 20 tahun baru kita dapat satu perkataan yang baru dan saya ucapkan tahniah kepada pihak yang merangka perkataan "Yang di-Pertua Negeri" daripada "Gabnor".

5.45 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap di dalam bahasa Inggeris di samping berucap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya izinkan.

Tuan S. Samy Vellu: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, Constitution is a working instrument created by the people as to how they wished to be governed. When any portion of it does not comply to the situation or for the progress of the country, it is only fair that an amendment should be carried out. I am sure, Tuan Yang di-Pertua, bearing this strongly in mind, Y.A.B. the Prime Minister moved in this Honourable House certain amendments for the benefit of the country as well as the people. The Constitution is created at the will of the people and therefore is should be amended as and when the creators themselves feel that certain portion does not suit their own requirements. Therefore, Tuan Yang di-Pertua, I support this Bill to amend certain provisions of the existing Constitution.

Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya sekarang menyentuh tentang Fasal 7 yang bertujuan memansuhkan kewarganegaraan ke atas seorang Malaysia yang dengan sendiri mendakwa sebagai seorang warganegara di luar Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa seseorang warganegara Malaysia yang hidup dengan senang di Malaysia tidak patut dibiarkan terus mengadakan kewarganegaraan di luar negeri. Saya rasa sikap seperti ini harus di-berhentikan serta-merta khususnya kalau didapati seseorang yang tertentu itu telah melakukan kesalahan-kesalahan di luar negeri. Maka saya rasa pindaan ini dalam Perlembagaan Persekutuan adalah wajar dan saya menyokong Fasal ini.

Tuan Yang di-Pertua, one should not try to ride on two horses at the same time and if they do wish to use the citizenship as a mechanical means to ride on two horses, I think it is right time that we should stop them. Every person who is loyal to a country must have loyalty only to one country. If he is going to have dual loyalty, I think it is time such a person should decide whether he is going to be there or here and I am sure that the Government has brought in this amendment to stop persons having dual citizenship and at the same time enjoying dual privileges. I thank the Government for that portion of the amendment

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merojok kepada Fasal 23 di mana Kerajaan-kerajaan Negeri dibenarkan meminjam bukan sahaja dari bank-bank tetapi juga dari sumber-sumber yang lain untuk pembangunan. Satu lagi faktor yang menggalakkan bahawa tempoh itu diluaskan satu tahun kepada lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa pindaan ini akan membolehkan untuk menumpukan perhatian ke atas pembangunan dengan sendiri di dalam tempoh lima tahun ini. Kebanyakan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan-kerajaan Negeri hari ini berasa susah untuk meminjam wang kerana tempoh yang ditetapkan sebelum pindaan ini dibuat dan saya harap setiap Kerajaan Negeri akan menggunakan kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Fasal 24 yang meminda Fasal (2) Perkara 112 yang bertujuan menambahkan pertubuhan dengan tidak mendapatkan kebenaran Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, I think this Clause will now enable the State Governments and also the various departments of the State Governments to engage more staff especially in the various District Offices in order to clear the backlog of applications and cases which lie there for years and years. It has been said in this Honourable House, Tuan Yang di-Pertua, many times by many Honourable Members that State Government offices especially the District Offices, Land Offices and Survey Offices have delayed the process of many applications but when we approach such offices, they say they are lack of staff. I think the provision of this amendment will enable them to engage staff for less than \$400 per month so that it will give them the opportunity to engage more staff and at the same time to function more effectively to the needs of the people.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Fasal 41 yang bertujuan menggantikan perkataan "Gabnor" dengan nama "Yang di-Pertua Negeri". Saya rasa ini adalah penting dalam sebuah negara untuk mengadakan jawatan yang uniform dan sama. Itulah sahaja ucapan saya dan saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) telah selesai dipertimbangkan.

Tan Sri Ong Kee Hul: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di kemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) telah selesai dipertimbangkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat haruslah ingat selain daripada kita berbincang dalam perbahasan bacaan kali yang kedua, kita ada lagi peringkat dalam Jawatankuasa dan kita teruskan dalam Dewan ini bacaan kali yang Ketiga. Jadi, saya harapkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak menegur atau hendak berucap tolong pendek-pendekkan. Sungguhpun pada hari semalam saya telah berkata, Ahli-ahli Yang Berhormat eloklah jangan panjangkan ucapan, cuma lebih kurang 20 minit sahaja, tetapi janganlah sebab saya telah pelawa 20 minit itu hendak dituntut. Kata orang dahulu: kalau beri sekati daging itu hendak habiskan sekati. Sebab masa kita sudah lewat malam. Jadi, saya bercadang hendak menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab, sebab saya tengok ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya hendak menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab pada pukul 6.45 petang. Ada tiga suku jam lagi dari sekarang.

Sekarang saya jemput siapa yang hendak bercakap.

5.54 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa yang kebebasan hak Kerajaan Negeri juga adalah sama penting seperti kebebasan hak individual. Oleh kerana itu saya ingin membahaskan Fasal 23. Perkara 111 berkaitan dengan kuasa pinjaman wang kepada Negeri-negeri. Kalau communism adalah musuh besar kepada kita saya fikir pengangguran juga adalah satu gejala yang besar yang kita sedang hadapi. Maka negeri-negeri, lebih-lebih lagi negeri yang miskin memerlukan wang yang banyak bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga ini untuk mengatasi masalah ini.

Dalam pindaan yang dicadangkan, saya fikir kalau undang-undang yang hendak dipinda biarlah undang-undang itu yang akan kita pinda boleh membawa faedah yang banyak dan sebenar-benarnya kepada masyarakat dan undang-undang yang boleh dipraktikkan dan bukanlah satu undang-undang yang cuma menjamin satu golongan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh masa lima tahun itu agak saya terlalulah pendek kerana setengah-setengah daripada projek yang kita akan jayakan, kejayaan itu memakan masa lebih daripada lima tahun, lebih-lebih lagi projek-projek yang berasaskan pertanian. Projek pertanian seperti ladang getah umpamanya tidak akan menerima hasil selepas 6 tahun. Oleh itu, pihak pengurusan yang melaksanakan rancangan itu bagi pihak negeri tentulah mesti mendapat jaminan bantuan yang tetap selepas daripada lima tahun, jika tidak pengurusan dan pentadbirannya terganggu. Ini juga akan melibatkan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan yang banyak kerana tiada continuity bagi pelaksanaan projek itu, terutama sekali dalam bidang finance. Maka dengan itu, saya merayu supaya Kerajaan menimbang moga-moga tempoh lima tahun ini akan ditambah atau dipanjangkan supaya pelaksanaan projek-projek besar-besaran yang dianjurkan oleh negeri-negeri melalui badan-badannya tidak terganggu dan Kerajaan-kerajaan negeri juga dapat nafas yang lebih bagi menjelaskan pinjaman-pinjaman itu. Nampaknya syarat yang ditentukan pada sekarang ini tidak pula berasaskan kepada viability projek itu dan tepat dengan masa yang projek itu boleh menerima hasil, tetapi sekali lintas nampaknya berasaskan kepada suatu masa yang ditentukan oleh Kerajaan

Pusat berdasarkan pada pilihanraya, kerana Kerajaan Pusat mungkin bimbang di atas pertukaran Kerajaan-kerajaan Negeri dan standard managementnya. Namun begitu, saya fikir Kerajaan Pusat sendiri sudahpun memberi pengecualian untuk dirinya sendiri bagi membolehkan pinjaman-pinjaman walaupun ianya tertakluk kepada Undang-undang Pilihanraya yang sama, dan mungkin Pegawai-pegawai Pentadbir juga memperoleh pengalaman yang sama. Kalau sistemnya tidak betul inginalah saya cadangkan supaya Kerajaan Pusat sambil menimbangkan masa yang saya fikirkan tidak mencukupi itu mengadakan satu sistem di mana Kerajaan Pusat sendiri boleh mengadakan waktunya untuk mengatasi masalah ini dan di samping itu mengawasi kegunaan wang-wang pinjaman ini.

Bersabit dengan pindaan ini juga sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, satu lagi kesulitan yang biasa kita menghadapi berkaitan dengan pinjaman wang ini ialah timbulnya masalah physical boundary Kerajaan-kerajaan Negeri itu. Masalah ini mesti juga diselesaikan jika sekiranya undang-undang ini hendak dipraktikkan. Misalnya, satu contoh yang terkemuka yang sekarang ini Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang sedang menghadapinya. Baharu-baharu ini satu pinjaman telahpun diuruskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk satu projek di Seberang Prai yang merupakan projek secara besar-besaran yang dianjurkan oleh Kerajaan Pulau Pinang, di mana Kerajaan Pulau Pinang meminjam wang daripada ADB, tetapi ADB telah menyaratkan pula supaya Negeri Kedah pula menjamin pinjaman itu kerana punca air untuk rancangan itu datangnya daripada Negeri Kedah. Pihak Kerajaan Negeri Kedah pula enggan menjamin kerana masalah sempadan belum lagi diselesaikan. Apa yang telah berlaku ialah Kerajaan Pulau Pinang telah mengambil sebahagian Sungai Muda sebagai sempadan yang diterima, ini semata-mata kerana di masa lampau iaitu lama sebelum merdeka, pihak yang berkuasa di waktu itu pemerintah British dan pemerintah Thai bersetuju menggunakan Sungai itu untuk mengawal penyeludupan, tetapi pada hari ini aktiviti-aktiviti sebegitu tidak lagi didapati dalam kawasan sungai itu, tetapi Pulau Pinang masih menggunakan sungai itu sebagai sempadan. Dari segi peraturan antarabangsa yang diterima sekiranya sungai itu hendak dijadikan sebagai sempadan, maka sungai itu hendaklah dibahagi dua supaya

keuntungan jualan pasir umpamanya dan lain-lain bahan dalam sungai itu dapat dinikmati oleh kedua-dua pihak sekali.

Lagi satu kesulitan yang belum memberi penyelesaian bagi soal sempadan ialah di bawah perjanjian Federation of Malaya dahulu dalam usaha-usaha untuk mempercepat kemerdekaan, Kerajaan Negeri Kedah di waktu itu telah diminta supaya jangan bertegas sangat tentang masaalah pajakan Province Wellesley dan Pulau Pinang oleh Kedah berasaskan perjanjian yang dibuat oleh East Asiatic Company dahulu di mana Kedah memperolehi wang pajakan sebanyak \$10,000 setahun. Pajakan itu masih berjalan dan wang ini dibiayai oleh Kerajaan Pusat, tetapi nilai \$10,000 dahulu dengan nilai \$10,000 sekarang adalah amat berbeza, namun begitu bayaran ini masih dibuat walaupun nilai itu belum lagi dikaji semula. Maka dari segi undang-undang agaknya Province Wellesley dan Pulau Pinang masih menjadi sebahagian daripada Negeri Kedah, walaupun perkara ini tidak dituntut oleh Kerajaan Negeri Kedah. Maka sebagai rumusan bagi masaalah itu, mungkin Kerajaan Pusat dapat menimbang dengan secepat mungkin supaya jumlah sebanyak \$10,000 yang diberi dahulu itu diberi taksiran pada kadar masa sekarang ini, melainkan pihak Province Wellesley itu dengan sendirinya hendak pisah dan balik ke Negeri Kedah.

6.01 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang biasa yang taat setia, saya bukan sahaja tidak menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1976 ini bahkan saya membangkang dan membantah dengan sekerasnya terhadap peristiwa ini.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Fasal (5) Perkara 5 Perlembagaan kita supaya seseorang yang ditangkap atau ditahan atau diletakkan di bawah kediaman terhad di bawah mana undang-undang berkaitan dengan keselamatan Persekutuan, tahanan pencegahan, kediaman terhad, imigrasi atau buang-negeri, kehilangan hak untuk berunding dengan orang peguam dan sebab-sebabnya ia ditangkap tidak akan diberitahu. Selain daripada itu pindaan Rang Undang-undang ini juga membatalkan hak orang yang ditangkap itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret dengan segera dalam masa 24 jam dan sekiranya tiada apa-apa yang berpatutan

orang itu tidak boleh ditahan selanjutnya dengan tiada kuasa majistret itu. Saya mengetahui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan meminda pindaan Rang Undang-undang ini di bawah bantahan Pertubuhan Peguam Malaysia supaya membolehkan hak untuk berunding dengan seorang peguam.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik perhatian rakyat jelata bukan hak ini dan dapat tahu sebab-sebab penangkapan sahaja tetapi hak manusia yang tidak patut ditahan tanpa bicara di hadapan majistret dan tidak patut kita teruskan tahanan tanpa kuasa majistret itu tidak kira Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975 dibahaskan di Dewan ini. Saya telah memberi ramalan bahawa Rang Undang-undang yang lagi dahsyat dan ngeri akan dikemukakan di dalam Dewan ini tidak lama lagi. Dengan membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1976 ini sudah membuktikan bahawa ramalan saya itu tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1976 ini diluluskan, saya berani bercakap di sini hak kebebasan asasi di Malaysia sudah mati. Sungguhpun semua Undang-undang termasuk Perlembagaan yang suci boleh dipinda di bawah keadaan yang ada, tetapi dukacitanya semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan sampai sekarang setiap kali Perlembagaan dipinda bukan untuk kepentingan dan keuntungan rakyat jelata tetapi hanya untuk mengukuhkan kuasa politik Kerajaan Barisan Nasional sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mencadangkan untuk kepentingan seluruh rakyat Malaysia patutlah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang ahli-ahlinya termasuk semua parti politik, kumpulan-kumpulan dan wakil-wakil daripada semua golongan untuk menyemak dan meminda Perlembagaan yang ada sekarang supaya selaras dengan kemahuan dan kepentingan semua kaum di Malaysia.

6.05 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Star): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan. Minta pendek-pendekkan sedikit—jangan panjang-panjang sangat.

Tuan Oo Gin Sun: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I do agree that certain amendments to the Articles of the Constitution are good for our country, like the amendment to Article I bringing the States of Sabah and Sarawak within the ambit of our Federal laws. At the moment certain aspects of the laws in Sabah and Sarawak restrict Malaysians from West Malaysia to go over there, like certain practising lawyers in Malaysia are not allowed to go in to practise law in Sabah and with this amendment all aspects of the Sabah law or Sarawak law will come into the ambit of the Federal law and it is heartening to note that.

There is the other amendment to Article 5. This is the most controversial amendment which has created a lot of uneasiness among us who are legal practitioners. An explanation has been given by the Attorney-General that the proviso is only related to one particular law, that is the Restricted Residence Ordinance, and if that is so, I think it would create a lot of comfort to all of us if that can be spelt out clearly under the proviso instead of saying "Provided that this Clause shall not apply to the arrest or detention of any person under the existing law which makes no provision for the production of such person before a magistrate, and all the provisions of this Clause shall be deemed to have been an integral part of this Article as from Merdeka Day".

Now, if the Attorney-General has stated that it only applies to one particular Act, then it would be better for all of us that he spelt out that particular Act which the Legislature has in mind.

The other Article, Tuan Yang di-Pertua I would like to bring to the attention of this House is relating to the appointment of Judicial Commissioners under the amendment to Article 122A which states that "by inserting immediately after the Clause (4) of the Article 122A a new clause (5) as may follows:

"(5) For the despatch of business of the High Court in Malaya, the Yang di-Pertuan Agong acting on the advice of the Lord President of the Federal Court, may by order appoint to be judicial commissioner for such period or such purposes as may be specified in the order any person qualified for appointment as a judge of a High Court; and the person so appointed

shall have power to perform such functions of a judge of the High Court in Malaya as appear to him to require to be performed; and anything done by him when acting in accordance with his appointment shall have the same validity and effect as if done by a judge of that court"

Now, if that be the case, Tuan Yang di-Pertua, if it is the concern of the Legislature that there is an acute shortage of Judges, then it will be better that we should amend certain provisions in the Constitution for the appointment of more Judges rather than the appointment of these so-called Judicial Commissioners for such period or such purpose as specified in the order. It would appear that we are going to have contract Judges or Judges who will be on probation for a specified period. Does it mean that those Judicial Commissioners who will be appointed for a specified period after their contractual period will be subject to renewal? That is a question I would like to bring to the attention of this House.

If they are not subject to renewal but yet holding status of a qualified Judge, then it would appear that the image of the independence of the Judiciary will be tarnished. We all know, in so far as our country is concerned, the record of the independence of the Judiciary is very distinguished and if you introduce this Clause where a Judicial Commissioner can be appointed for a specified period holding the position of the duties of a Judge, does it mean that this "L" plate licence Judge, after a period, will be appointed as a Judge? If this does not mean that, before the specified period is over will his period be renewed?

If he is to be on probation and his period is to be renewed, then this person who is appointed as the Judicial Commissioner before the expiration of his term will have to think carefully, whether his contract will be renewed or not whether he will be promoted as a Judge. In that case, he will not be administering justice fearlessly and independently. He will think twice if he is given an assignment by the Government to do a special commission or to hear a particular case; before his period is up when such an assignment is given to him if he thinks whether his contract will be renewed or whether he will be promoted as a Judge, then will not be in a position to act fearlessly

and independently as a Judge. Now, if the Legislature intends to appoint a Judicial Commissioner for this purpose, then it will be wiser to spell out that his appointment as a Judicial Commissioner would be for a fixed period and there is no question of renewal—say, the moment he is appointed, it will be for a period of five years. There will not be any renewal and he will not be promoted to be a Judge because he will then preserve the image of the independence of the Judiciary. Otherwise, the Judicial Commissioner will think about his appointment more rather than the administration of justice. So I hope the Legislature will amend this Clause so as to preserve the image of the independence of the Judiciary.

6.12 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bercakap dengan seberapa ringkas di dalam perbahasan yang sangat penting ini. Hanya saya menyatakan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat yang begitu tegasnya mengemukakan suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu mengemukakan Rang Undang-undang ini semalam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sesebuah negara atau negeri yang sedang membangun seperti negara kita ini, maka satu Perlembagaan yang teratur bagi kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara amatlah mustahak sekali diberi perhatian bagi menjamin hak asasi serta hak istimewa rakyat dan kedaulatan pihak yang berkenaan terutama Raja-raja yang berdaulat di negeri-negeri di dalam Persekutuan Malaysia kita ini.

Saya sebagai seorang rakyat kaum bumiputra dari negeri Sarawak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana dengan adanya pindaan seperti yang dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini maka negeri Sarawak dan rakyatnya sama seperti negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia. Ini sebagai satu kehormatan kepada kami di Sarawak, di bawah perlindungan satu Raja, satu bangsa dan juga satu negara. Walaupun kami di Sarawak terdiri daripada beberapa kaum, mempunyai kebudayaan yang tersendiri tetapi di bidang politik merupakan satu ilham dan satu kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional baik

di peringkat Persekutuan ataupun di negeri Sarawak seperti terbukti pada hari ini. Saya yakin perkara ini dapat menjadi satu tauladan dan gambaran walaupun rakyat di negeri Sarawak pada keseluruhannya seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum sebagai salah sebuah negeri yang masih mundur di berbagai bidang terutamanya dari segi ekonomi, pelajaran, terutamanya bagi kaum-kaum bumiputra di luar-luar bandar yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Sarawak merdeka dalam Malaysia pada tahun 1963, satu rombongan Suruhanjaya Lord Cobbold telah meninjau dan menyiasat hasrat rakyat di Sarawak mengenai kemerdekaan negeri itu. Walaupun di waktu itu didapati sokongan dan bangkangan daripada golongan rakyat yang tertentu memang ada, namun sebahagian besar rakyat adalah bersetuju Sarawak merdeka di dalam Malaysia sebagaimana satu keputusan lapuran perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri Sarawak sebagaimana yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan pada hari ini.

Sekarang 13 tahun negeri Sarawak telah merdeka menempuh bermacam-macam masalah rakyat. Walaupun demikian dengan adanya Perlembagaan yang teratur, maka segala sesuatu dapat diatasi. Oleh itu saya berpendapat Perlembagaan negara kita tidak seharusnya dibeku begitu sahaja melainkan dipinda mengikut keadaan zaman dan masa bagi menyesuaikan kehendak untuk kebaikan dan faedah rakyat dan negara seluruhnya.

Mengenai Fasal 42 dan 43 pindaan dari perkataan "Gabnor" dan "Negeri-negeri Borneo" yang terdapat dalam Perlembagaan maka dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kedua-dua perkataan yang sangat penting itu dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Yang di-Pertua Negeri" dan "Negeri-negeri Sabah dan Sarawak". Dalam hal ini memang tepat kedua perkataan baru itu menggantikan perkataan yang terdapat di dalam Perlembagaan yang ada sekarang. Walaupun pada maksud dan hakikatnya adalah boleh diertikan sama sahaja seperti perkataan dipinda dengan perkataan-perkataan menggantikannya. Apa yang kita harus sedar perkataan-perkataan "Yang di-Pertua Negeri Sarawak" dan "Negeri-negeri Sabah dan Sarawak" adalah lebih jelas kepada rakyat jelata untuk memahaminya. Jika kita masih menggunakan perkataan

"Gabnor" dan "Negeri-negeri Borneo" seolah-olah perkataan itu tidak ada perkataan yang lain untuk menggantikannya.

Kita masih ingat lagi di negeri Sarawak di waktu penjajah dahulu, ketua negeri itu adalah seorang Gabnor berkulit putih dan Gabnor itulah juga sebagai orang yang menyerah negeri Sarawak selepas dijajah beberapa lama kepada rakyat negeri Sarawak merdeka di dalam Malaysia. Bagi kami rakyat di negeri Sarawak sudah pasti berbangga di atas perkataan-perkataan "Yang di-Pertua Negeri Sarawak" daripada perkataan-perkataan "Negeri-negeri Sabah dan Sarawak" daripada perkataan "Negeri-negeri Borneo". Oleh kerana perkataan Borneo boleh mengelirukan jika seseorang yang datang dari negeri-negeri asing. Juga sekarang terdapat negeri yang tertentu di Borneo masih lagi di bawah perintah penjajah. Dengan perkataan yang begitu jelas bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak, rakyat berasa lapang dan menyedari tanggungjawab rakyat merdeka serta juga dapat bekerja lebih rapat lagi dengan saudara-saudara di negeri-negeri lain di dalam Malaysia baik di bidang keselamatan, perpaduan, kebudayaan dan berganding bahu untuk membasmi aktiviti-aktiviti anasir jahat dan musuh negara.

Di zaman penjajah berkuasa di Sarawak yang menjadi satu sejarah Sarawak Gabnor kulit putih di negeri Sarawak telah terkorban disebabkan perasaan tidak sabar dan marah rakyat menentang penjajah dan Gabnor kulit putih di waktu itu yang berkuasa di negeri Sarawak. Oleh yang demikian saya berpendapat segala perkataan asing atas nama jawatan tinggi dan bagi kehormatan rakyat dan negara mestilah menggunakan perkataan kita sendiri sejajar dengan kedaulatan negara ini.

Saya adalah menyokong atas segala pindaan yang dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini dan menentang pihak-pihak yang membangkangnya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

6.20 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976. Saya suka menyentuh kepada Fasal 7 perkara 24.

Pindaan-pindaan kepada Perlembagaan berkaitan dengan pelucutan kewarganegaraan adalah kena pada masanya. Kerajaan patut diberi tahniah kerana menimbangkan pindaan-pindaan ini oleh kerana saya percaya bahawa pindaan-pindaan sedemikian timbul bukan sahaja dari pemikiran yang mendalam tetapi juga dengan memandang jauh. Saya katakan pindaan ini kena pada masanya ialah kerana dalam hubungan Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah memutuskan untuk menjayakannya ia memerlukan kerjasama yang jujur dari setiap warganegara di negara ini. Tidak ada tempat bagi mereka yang hanya pandai bercakap sahaja tetapi tidak berusaha untuk kejayaan rancangan ini.

Pindaan-pindaan yang baru ini akan memberhentikan ketidak jujur. Pindaan-pindaan ini memang wajar kerana orang-orang yang masuk dalam golongan untuk pelucutan tidak dinafikan kerakyatannya secara automatik tetapi melalui proses Perlembagaan. Dengan lain perkataan penafian tidak dibuat tanpa keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kesan-kesan kepada pindaan-pindaan ini hanya akan dirasakan di awal kurun yang akan datang atau tahun-tahun lapan puluhan Kerajaan mestilah memandang berat terhadap warganegara kita yang di dalam golongan profesyenal di seberang laut yang telah layak atau yang akan melayakkan diri dibidang teknologi dan juga yang akan dengan sebab-sebab yang hanya diketahui oleh mereka sendiri enggan balik ke sini untuk memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara. Barangkali ramai di antara mereka yang berniat mengambil kerakyatan negara yang telah bermurah hati membenarkan mereka belajar. Sekiranya mereka berbuat demikian negara kita akan mengalami kerugian yang besar.

Saya yakin ianya tidak sekiranya Kerajaan tidak berubah kepada kebenaran dan memberikan keperluan insentif kepada warganegara yang di dalam golongan profesyenal ini di atas dasar membuat mereka yakin atau merasakan yang mereka itu diperlukan dan tidak kerana sebab-sebab lain. Semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan hendaklah berusaha bagi tidak menggalakkan warganegara kita yang di dalam golongan profesyenal ini daripada mencari sesuatu lebih baik dari apa yang ada sekarang di negara kita. Kita tidak mampu dengan

keadaan seperti itu di masa kita berada di saat-saat genting ini. Kita juga tidak dapat menafikan yang kita memerlukan mereka, dan jika kita kehilangan mereka, mereka akan hilang selama-lamanya dan kemungkinan yang hilang itu adalah golongan profesyenal yang ada warganegara kita. Kerajaan mestilah cuba memujuk warganegara kita yang belajar di seberang laut itu mempunyai niat untuk tidak mahu kembali semula ke sini setelah tamat perjanjian dan menjadi orang yang akan kehilangan taraf kerakyatannya.

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun Kerajaan hendaklah meminta kerjasama negara-negara yang lebih maju untuk membantu Malaysia dengan menafikan warganegara kita yang di dalam golongan profesyenal ini akan peluang-peluang untuk berhijrah sekurang-kurangnya sehingga ke sesuatu masa di mana mereka telah memberikan sumbangan yang berguna kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari pindaan-pindaan ini Kerajaan adalah dinasihatkan supaya meneliti kemasukan mereka yang pernah menjadi rakyat Malaysia kemudian meninggalkan negara ini beberapa tahun yang lampau dan sekarang mengakui menjadi rakyat Malaysia dengan menggunakan hak mereka untuk masuk ke negara ini. Tersangat ramai mereka yang di dalam golongan ini dan jika dibenarkan mereka ini masuk semula malangnya Kerajaan tidak boleh untuk menafikan mereka akan hak ini. Mereka tidak memberikan banyak sumbangan terhadap pembangunan negara ini. Ramai di antara mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat Malaysia, dan saya sedia berkata bahawa mereka inilah orangnya yang akan menghalang kemajuan peraduan negara. Pengaruh yang dibawa oleh mereka ini dari luar negeri mungkin tidak mendatangkan faedah kepada usaha-usaha Kerajaan dalam menyusun semula masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan juga bahawa dalam pertimbangan untuk perlucutan kerakyatan Kerajaan akan bertimbang rasa terhadap mereka yang benar-benar bertujuan untuk mengerti hak kerakyatan Malaysia dengan baik kerana kerakyatan yang mereka telah perolehi tan a pengetahuan mereka.

Sebelum saya akhiri ucapan saya mengenai perkara ini ada satu perkara yang memerlukan pemikiran yang mendalam dan perkara ini ialah a a akan jadi kepada mereka yang telah dilucutkan kerakyatan tetapi dibenarkan tinggal di negara ini? Mungkinkah mereka akan menjadi lagi seorang yang tidak mempunyai kerakyatan yang akan menikmati keamanan dan ketenteraman negara ini atau mungkinkah mereka menjadi satu masalah yang tak dapat dielakkan oleh masyarakat Malaysia.

6.28 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): (*Dengan izin*). Mr Speaker, Sir, I think no less than a million words have poured out from the mouths of the different Members of Parliament in this House. Sir, as far as I am concerned, I view this Bill with considerable forebodings. It is another major onslaught on the supreme law of the country. This is an affront to logic, an affront to what I would want to call the national conscience. By the passage of this Bill, millions of people are now caught by what the ramifications of this Bill can bring. This is where it is unfair and unconscionable.

A Bill of this magnitude, I would have thought, to amend the Constitution ought not to have been laid before this House, before the people to whom we are all responsible have had a chance of debating the Bill and giving their views. In other words, Mr Speaker, Sir, the Bill must first be vetted by public opinion, but public opinion finds no avenue of expression these days. The Press, that most vocal son of a democratic country, that most vocal son of parliamentary democracy, is today shockingly a prisoner of fear. The intimidated Press and the public are being disciplined to think in a particular way. This is what the Bill is supposed to be.

The time-honoured belief that the existence of a Parliament signifies democracy is as far as I am concerned a lofty ideal. In the context of Malaysian politics today, the Parliament where Members are supposed to parley become no more than an automaton to roll out Bills and laws that go to preserve the status quo. Mr Speaker, Parliament is activated whenever the occasions suit the establishment to debate Bills that will only enhance the powers of the Government. The Parliament of this country, I am sad to say,

Mr Speaker, is not used for constructive purpose. It exists, as far as I can understand, as part of a power game to preserve, to safeguard and to protect the interests of the perpetrators of injustice and the purveyors of political bigotry.

To deny the people even their basic rights is to carry the country one step further to the brink of revolution, and as for revolution we have heard so much of it and we are still hearing about revolution. And is revolution the answer, Mr Speaker, Sir? If this not what the Government wants, then I say, "Stop it!" If it is what the Government wants, then I say, "Go ahead!" But stop using Parliament as a tool of oppression. Stop using Parliament to legalise illegality. Stop using Parliament to intimidate. Stop using Parliament in the name of democracy.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: But you are still free to say it, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Ngan Siong Hing: But that is guided democracy. (*Ahli-ahli Yang Berhormat: No!*) Stop using Parliament to hoodwink the gullible.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: If you go against the Standing Orders, I will stop you from talking! (*Ketawa*).

Tuan Ngan Siong Hing: But I am not going against any Standing Order.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Please proceed.

Tuan Ngan Siong Hing: Stop using Parliament in the name of the country and the people.

Mr Speaker, Sir, I am sure we are all aware that the whole world is now laughing at us; the whole world is now laughing at Malaysia.

Malaysia, once upon a time, was supposed to be a light-house of democracy. What is it today, Mr Speaker, Sir? A labyrinth of darkness. I hope, Mr Speaker, Sir, that you agree with me.

But where does this lead to? I was one of those who saw the Union Jack being lowered and our national flag being hoisted way back on 31st August, 1957, Merdeka Day. But it

appears to me that the Government sees a red flag in every nook and corner of the country. Something must be wrong somewhere. Is there no land in this country? Is there no wealth for the people? Is there no justice? Is there no Parliament? We have everything. Mr Speaker, Sir. Yet what has become of the country today? Call me what you like, Mr Speaker. I see oppression everywhere. I see indifference to the plight and sufferings of the people—the working class, the peasants. I see indifference. What I find is officialdom, autocratic attitude of the people who rule and such must be done away with, and yet we have a Constitutional Amendment Bill which, in my opinion, seeks to further reinforce the power of those people who are already top autocratic.

Mr Speaker, Sir, this Bill, as far as I am concerned, will further drive away many a good man from entering politics, and we do not have enough good men in politics. I am sad to say, Mr Speaker, Sir, that what we have is a bunch of caboodle, men who strive to stay at the pinnacle of power in the name of national interest and naked capitalism.

Mr Speaker, Sir, the fact that this Bill originally intended to deprive arrestees of the right counsel clearly indicates the purport of the Government. This Bill only adds to the mounting unsavoury heap of unconstitutional or constitutional jurisprudence. It gives nothing to the country. It gives nothing to the people to be proud of.

This Bill does not attract the higher patriotism of the people. It only seeks to court the wrath of the people, the wrath of the masses, the wrath of the working class, the wrath of the peasants. This is what this Bill is for!

Mr Speaker, Sir, why is all this happening. I do not understand. Common sense will tell that the overall intention of this Bill is to enable the Government to do anything otherwise illegal and unconstitutional with a semblance of legality and constitutionality.

When this Bill is passed, Mr Speaker, Sir, those present in this House can then look back, but I suppose that by then it will be too late. By this Bill the Government meant to say that all citizens must obey the Rule of Law even though the law is unjust—and that is what is meant by the Rule of Law! In this country, as far as I am concerned,

my view of the Rule of Law has changed, not that I want it, but I find that I am today a victim of the System, a victim of circumstances beyond my control and there are a mass of labour laws, the Internal Security Act, etc., where we are also helpless, where we all cannot do a thing. In my opinion, they are all unjust, but we have to respect those unjust laws, and that is what is meant by the Rule of Law, and that is what is meant by Parliamentary democracy, Mr Speaker, Sir. Is that the sort of democracy that we have been brought up to think about, to fight for, to champion to preserve? Maybe to some of them but not to me.

Mr Speaker, Sir, this is true because laws are still made by Parliament, as I have said. Beyond the four walls of Parliament there is nothing that the people can do. It would, perhaps, be another quarter of a century before many of us realise the full impact of all these changes. This House may be able to stop people from expressing their views but it certainly cannot kill the feelings of men of conscience. Those of us, Mr Speaker, Sir, who stand here today to condemn this Bill, perhaps, stand the risk of losing our fundamental rights and civil liberties but, as I have said, these are only lofty ideals which do not exist in reality and if we have to pay for it, let us pay for it now. We would have lost nothing and just as there are those who agree merely to survive, there will be sufficient people in this country, Mr Speaker, Sir, who will survive to disagree. I therefore, Mr Speaker, Sir, beg to oppose the Bill.

6.37 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan seperti yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semalam.

Sesungguhnya tujuan pindaan-pindaan itu sangat penting untuk memperseimbangkan kedudukan dan perkembangan semasa dalam satu perkara yang tertentu seperti perkembangan-perkembangan beragama dalam Malaysia, perjalanan undang-undang dan keadilan dan lain-lain perkembangan yang diperlukan oleh Perlembagaan kita dipinda. Umpamanya, dalam perkembangan beragama oleh kerana tradisi kita rakyat di Malaysia ini berbilang-bilang kepercayaan dan agama dan oleh kerana Perlembagaan negara kita telah

menentukan kebebasan beragama kepada seluruh rakyatnya, maka cadangan pindaan kepada Fasal (2) Perkara 12 dalam Perlembagaan yang memperuntukkan memberi hak-hak tiap-tiap kumpulan agama menubuh dan menyelenggarakan institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan masing-masing. Peruntukan ini bukan sahaja melengkapkan sepenuhnya kehendak Perlembagaan negara kita yang telah menentukan hak kebebasan beragama, bahkan juga sejajar dengan Rukunegara yang menjadi tatasusila dan pegangan hidup rakyat Malaysia seluruhnya. Ini juga sangat penting dan berkesan dalam usaha kita membentasi pengaruh dan fahaman komunis yang mana fahaman komunis itu adalah merupakan satu ideologi yang tidak percaya kepada syarat hidup beragama sepertimana yang kita amalkan sekarang. Untuk membentasi fahaman yang seperti itu hanya berkesan dengan cara mendekatkan anak-anak masyarakat kita dengan ugamanya, terutama sekali dengan agama Islam. Jadi, Fasal (2) dalam Akta ini saya rasa sangat penting kepada perkembangan-perkembangan beragama, khususnya agama Islam bagi seluruh rakyat Malaysia sejajar dengan Rukunegara kita dan berkesan untuk membendung pengaruh ideologi komunis.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangatlah tidak bersetuju dengan apa yang telah dipertanyakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang dalam Dewan ini semasa berucap semalam yang menuduh bahawa pindaan kepada Fasal (2) Perkara 12 dalam Perlembagaan adalah menekan kepada kumpulan-kumpulan agama yang lain daripada agama Islam. Tuduhan ini saya rasa merupakan suatu tuduhan yang boleh dianggap jahat, padahal dalam Fasal 2 yang baru dicadangkan itu dengan terang dan jelasnya memperuntukkan tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuh dan menyelenggarakan institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri. Tidaklah boleh ada perbezaan, kata Fasal 2 itu seterusnya, semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah hendak menyentuh sedikit Fasal 28 dalam Akta ini. Sesungguhnya saya sedar tujuan mengadakan Perkara 125A setelah Perkara 125 dalam Perlembagaan Persekutuan ialah untuk diperakui ataupun untuk diakui sah akan perjalanan mana-mana kes yang telah

berjalan sejak tarikh penubuhan Malaysia dahulu, sehingga hari ini yang mana Hakim Mahkamah Persekutuan mengadili atau mengadilkan sesuatu kes seperti kes jenayah umpamanya, dibicarakan di Mahkamah Tinggi dan apabila kes itu dirayukan kepada Mahkamah Persekutuan maka hakim yang sama dibolehkan mendengar kes itu di Mahkamah Persekutuan pula. Inilah tujuan Fasal 28 Akta ini tanpa sebarang sangkaan (prejudice) terhadap keadilan yang berjalan seperti itu dalam mahkamah-mahkamah keadilan di negara kita. Inginlah saya meminta kepastian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu adakah amalan yang seperti ini menjadi suatu ke-laziman kepada mahkamah-mahkamah pengadilan mana-mana negara demokrasi dalam dunia ini mengamalkan seperti yang kita amalkan ini. Dan saya juga meminta kepastian iaitu dengan cara yang demikian tidakkah mungkin keputusan Mahkamah Persekutuan terpengaruh juga oleh suasana pengadilan yang telah berjalan di Mahkamah Tinggi yang terdahulu daripada Mahkamah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ikhlasnya saya menyatakan bahawa dalam menghadapi Fasal 28 Akta ini saya tidaklah sekali-kali bersedia untuk dipergunakan menjadi alat kepada mana-mana pihak dan sesungguhnya saya juga tidak sekali-kali berniat untuk kepentingan seorang dua yang mungkin terlibat dengan Fasal 28 Akta ini. Saya timbulkan Fasal ini hanya semata-mata untuk keadilan undang-undang yang berjalan di negara kita, kerana kita bimbang kemungkinan perjalanan undang-undang dan keadilan di negara kita menimbulkan keraguan perjalanan undang-undang itu sendiri dan kemungkinan masaalah ini boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Inilah sahaja tujuan saya menimbulkan perkara ini dan tidak lebih daripada itu. Berbalik kepada Fasal 28 Akta ini, jika pindaan kepada Perlembagaan negara kita dibuat dengan mengadakan Perkara 125A atas sebab-sebab menghadapi masaalah kekurangan hakim dalam negara kita pada satu ketika seperti sekarang ini, maka adakah pada suatu ketika yang lain manakala hakim-hakim di negara kita telah mencukupi akan dipinda pula Perlembagaan Persekutuan? Hal yang seperti ini juga boleh menimbulkan suatu keraguan di atas sikap-sikap kesucian dan keadilan mahkamah di negara kita ini.

Itulah sahaja yang hendak saya bangkitkan dalam Fasal 125A ini, dan sekali lagi saya menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

6.46 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran serta menyuarakan kebimbangan masing-masing berkenaan dengan pindaan kepada Perlembagaan yang telah saya kemukakan itu. Sebelum saya memberi penerangan sedikit sebanyak atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sukalah saya memberi pandangan sebagaimana yang saya memberi pandangan semalam pada masa saya mengemukakan Rang Undang-undang pindaan ini, iaitu pindaan ini tidaklah dibuat dengan cara terburu-buru, secara tergesa-gesa sebagaimana sebilangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini memikirkan kami semua berbuat demikian. Saya telah menerangkan iaitu pindaan-pindaan yang dikemukakan ini telah dikaji dengan mendalam bukan sahaja oleh satu badan, bahkan badan-badan lain seperti badan-badan pegawai, badan Kementerian, iaitu peringkat Kementerian di antara Kerajaan Persekutuan dengan wakil-wakil daripada Negeri Sabah dan Sarawak dan juga oleh Jawatankuasa Kabinet. Jadi pindaan-pindaan ini telah ditapis, dibahas dan difikirkan dengan sedalam-dalamnya barulah dikemukakan pindaan ini ke Dewan ini.

Saya suka juga memberi makluman kepada saudara sekalian iaitu cadangan hendak mengemukakan pindaan ini di dalam Dewan yang mulia ini telah dibuat tiga kali dan kita terpaksa bermesyuarat sebanyak tiga kali sebelum kita mengadakan mesyuarat ini. Tetapi oleh kerana banyak perkara-perkara yang dikemukakan dan dicadangkan kepada Kabinet dan Menteri-menteri berkehendakkan kajian dan siasatan yang mendalam dan giat lagi maka pembawaan pindaan ini ditangguhkan sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan kita ini ada sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengatakan kebimbangan bahawa pindaan ini akan

menyentuh hak-hak asasi dan hak-hak yang mustahak dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua tidak diberi masa yang cukup bagi menyemak, mengkaji, menengok dan memahami tujuan-tujuan dan pindaan-pindaan yang ada di dalam Rang Undang-undang pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengkaji dengan sebenarnya dan mendalam kandungan-kandungan maksud-maksud yang dikehendaki di dalam Rang Undang-undang pindaan ini perkara-perkara yang kontroversi amatlah sedikit. Saya akan membutirkan perkara yang menjadi kebimbangan yang difikirkan menyentuh hak asasi dan perkara yang mustahak bagi dipertimbangkan dengan sehalus-halusnya dan berkehendakkan masa bukan sehari dua hari bahkan ada yang menyatakan berkehendakkan dua minggu hingga sebulan. Tetapi kalau kita teliti kandungannya betul-betul, fahamkan dan membandingkan pindaan ini dengan Perlembagaan bukan semata-mata diambil satu-satu perkataan dalam Undang-undang pindaan ini, kita memahami kebanyakan pindaan ini adalah perkara biasa dan tidak menyentuh banyak hak asasi. Saya telah menerangkan semalam iaitu perkara-perkara yang telah dikemukakan, misalnya, ada perkara berkenaan dengan nama Persekutuan, menyusun semula nama negeri-negeri mengikut susunan alphabet, perkara berkenaan dengan perkhidmatan awam (public service) yang kita telah berunding berbulan, malah bertahun dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak supaya kita mengadakan integrasi Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri-negeri itu dan juga integrasi uniformasi berkenaan dengan polis dan begitu juga yang lain berkenaan dengan perkara berkenaan dengan negeri-negeri, berkenaan dengan hak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Itu perkara yang banyak kalau saudara-saudara betul-betul meneliti-nya dengan sedalam-dalamnya, tetapi sebaliknya memanglah kebiasaan Ahli-ahli yang di hadapan saya di sini, terutamanya Pembangkang memang mengambil kesempatan dan selalu menjerit memomok-momok jika dikemukakan pindaan Perlembagaan, tetapi momok-momok yang disebut, yang dijerit-jeritkan tidak ada dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu tidak tertarik dengan percakapan yang dijeritkan oleh momok dan hantu yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Pembangkang di hadapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam penerangan saya, saya minta izin bercakap dalam Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Momok yang pertama disebut oleh Ahli Yang Berhormat di hadapan saya yang pertama mengatakan pindaan dikemukakan dengan dengan tergesa-gesa dengan tidak memberi cukup masa. Yang kedua, menuduhkan Kerajaan ini mabuk kuasa (power-drunk). Cuba siasat, cuba baca pindaan itu, apakah kuasa-kuasa yang hendak ditambah yang tidak ada, yang kurang di tangan Kerajaan sekarang? Pindaan-pindaan ini membetulkan lagi, mengemaskan lagi dan mengisi kalau ada kekurangan dan hendak mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh jentera-jentera Kerajaan khususnya Polis, masalah keselamatan yang tentu kita sendiri mengetahui dalam perjalanan mentadbirkan negara ini dari setahun ke setahun menghadapi bermacam-macam masalah undang-undang yang dipergunakan oleh anasir-anasir yang kita hendak membendung kegiatan-kegiatannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka menjawab Ahli Yang Berhormat yang di hadapan saya yang mengatakan Kerajaan ini power-drunk. Kita tidak power-drunk sungguhpun sembilan perpuluhan sepuluh daripada Ahli-ahli di sini di dalam satu parti. (Tepuk).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi cabutan-cabutan dari pandangan-pandangan ahli-ahli undang-undang berkenaan dengan cara dan cermatnya dan bertimbangrasanya Kerajaan ini sejak daripada tahun 1957 menjalankan dan menggunakan kuasa-kuasa yang berat dan besar itu bagi mentadbirkan negara ini. Saya suka dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, membacakan petikan di dalam satu buku yang ditulis oleh Tan Sri Suffian yang berkata:

"An important point to be made out of the Federal Government's exercise of extraordinary powers"

Ya, kita ada extraordinary powers. Ahli-ahli Yang Berhormat jangan lupa negara ini masih di dalam keadaan emergency. Mengikut Perlembagaan, declaration of emergency masih berjalan kuasa sepenuhnya di dalam tangan Kerajaan, tetapi kita tidak menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Dalam buku ini mengatakan:

"An important point to be made out of the Federal Government's exercise of extraordinary powers" ini Tan Sri Suffian bercakap berkenaan dengan emergency

power dan subversion—"during the Emergency is that everything that was done was sought to be done in accordance with the Constitution"—and not in accordance with our wishes and whims and fancies—"and throughout the period the Constitution was never, never suspended. Though it is, of course, true to say that some of the powers assumed were inconsistent with some provisions of the Constitution, but such deviations in the special circumstances were all of them authorised by the Constitution itself."

Finally it is stated here:

"It is worth noting that at no time did the Government, despite the wide powers available to them, abridge in any way any of the provisions relating to fundamental liberties."

Now, our record proves it in spite of what the Honourable Members in front of me said.

May I cite another legal author with regard to how careful and how cautious we are in the exercise of this extraordinary power. There is another book by Grosh which says:

"During the period of Emergency, neither the Federal Parliament nor the Federal Executive invoked anything like the full scope of their powers. State Legislatures and Governments continued to function. Indeed two national elections—maybe three or four national elections—were held and fundamental liberties were generally not subjected to greater restrictions than could have been accomplished under Article 149 under other constitutional powers."

Now, I stress this thing to remind Honourable Members not to be so easily swayed by those Honourable Members who do not do their homework, if I may say it with great respect, and who refuse to recognise the records of this Government that we do not and we are not drunk with power.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pandangan-pandangan atas provision yang ada di dalam Rang Undang-undang ini. Pertamanya, saya hendak memberi penjelasan dan penerangan berkenaan dengan Article 5 (4) ataupun Clause 4 dalam Bil kita. Mula-mula memang ada tersilap semasa hendak meminda Article 5 ini. Di dalam Article itu

termasuk Clause (3) yang tidak bertujuan kita hendak memasukkan Clause (3) itu yang berkaitan dalam Clause (5) yang berbunyi:

"Clauses (3) and (4) do not apply to an enemy alien."

This is in respect of fundamental liberties which affect the liberties of a person. It was never intended to take away the right of being informed about the grounds of a person's arrest and the right to be defended by counsel of a person's choice as provided under Article 5 (3). We are aware of this and many of us have been trained in law. We have been trained in law and to value liberties of person, property or otherwise. We do not take it easily, nor do we "fiddle about"—as some of the Honourable Members used the term "fiddle about"—with the Constitution affecting the liberties of the person. We are quite responsible in this.

Sekarang yang saya katakan Artikel ini akan dipinda lagi selepas mendengar pandangan-pandangan dari pihak-pihak yang di luar dan juga di sini supaya tidak ada salah faham dan kuasa-kuasa ini tidak luas daripada yang berpatutan. Saya sendiri menyemak benda ini sehingga malam semalam dan saya sendiri melihat pindaan yang telah dicadangkan kepada Dewan ini masih lagi luas dan patut dikurangkan lagi dan saya akan mengemukakan pindaan kepada pindaan itu, dan ini sikap saya jika Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya masih tidak memahami sikap kita memerintah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita bimbang ialah kalau tidak ada peruntukan berkenaan dengan hak seseorang itu bila ditangkap mengenai sesuatu kesalahan dan kebanyakan yang besar ialah tidak ada peruntukan di dalam satu Ordinan yang kita beri contoh yang tidak ada memberi hak ini, hak mereka itu mesti dibawa di hadapan Magistrate dalam masa 24 jam selepas ditangkap. Hak itu tidak ada terkandung di dalam satu Undang-undang iaitu Restricted Residence Enactment, tidak ada jaminan itu, tidak ada provision itu dan itu diakui dan ini akan dibuktikan, bukan hendak meluaskan kuasa-kuasa bernaharajalela kita. Dan Restricted Residence Enactment was ruled by the Federal Court a few years ago to be a valid law under the Constitution, although there is no provision requiring the authorities to bring the detainee to a magistrate within

twenty-four hours of the arrest. Now, the proviso, therefore, only seeks to declare what is not written in the law.

Sebalik daripada sangkaan-sangkaan Ahli ahli Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan di peringkat Jawatankuasa nanti saya akan mengemukakan pindaan kepada pindaan kepada Clause 4 di dalam Bil ini. Saya suka juga menyambungkan dan memberi pandangan kepada Artikel atau Clause yang lain, yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya suka menarik perhatian dan pandangan berkenaan dengan Clause 6 dalam Bil kita (Clause 6 in the Bill) yang hendak meminda Artikel 12 Perlembagaan. Tujuan pindaan ini bukan sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan hendak menghad, hendak menarik hak orang memberi ajaran agama kepada anaknya. Tujuannya di sini memang tidak nampak jika Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengaitkan maksud di dalam Clause 6 ini dengan Education Act. Maksud Clause 6 ini dalam Bil ialah ada orang-orang mengambil kesempatan membuka sekolah dengan tidak payah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran kerana berlandung pada pengajaran agama. Jadi, peruntukan yang ada sekarang, jika sesuatu badan atau sekolah itu mengajar agama boleh jadi dalam satu masa selama satu jam sahaja sehari tetapi masa yang lain dia mengajarkan subject-subject secular, dia tidak payah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran fasal dia berlandung. Kepada saya ialah sekolah yang mengajar agama walaupun hanya mengajar setengah jam agama, yang lain semua Science, Mathematics, Geography, History, Physics dan lain-lain lagi dan ini hendak menumpukan orang-orang yang mengambil kesempatan institution ini bagi mengelakkan daripada hendak dan kemahuan Education Act kita. Ini akan menumpukan dan kita tidak sekali bertujuan hendak menghadkan dan menahan ibubapa hendak mengajar anaknya dalam agama masing-masing sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

With regard to the citizenship provisions which are contained in Clause 7 and 8 of the Bill, now the amendments here only require a change of definition of countries outside the Federation to include not only a foreign country but also a Commonwealth country, the idea being therefore that if any Malaysian citizen is allowed to exercise rights in a

country outside the Federation, privileges which are exclusively reserved for nationals of that country, that would be a ground for the deprivation of his citizenship.

Now, this amendment will put all Malaysian citizens in so far as their treatment in a country outside the Federation is concerned on equal footing among themselves and there ought to be no discrimination between Commonwealth and non-Commonwealth countries. Now, this will ensure national integrity and unity in the years to come.

The proposed amendment does not amount to a question of sensitive issues as some Honourable Members have suggested and it does not come within the definition of the Sedition Act. This amendment has gone through the process of the Conference of Rulers who have given their consent.

Another Clause on which I would like to give clarification is Clause 17, i.e. with regard to Article 65 (2) on which comments had been made by some Honourable Members. The proposed amendment is to enable the Yang di-Pertuan Agong to appoint Clerks to the Senate and to the House of Representatives on a secondment basis, of a fixed duration, which had been adopted for a long, long time. Now, I cannot agree, as alleged by the Honourable Member for Kota Melaka, that this amendment will effect the independence of Parliament or its service. I do not see how that point arises—appointment of Clerks to the Council affecting the independence of this noble House. Isn't he exaggerating a bit? Ini yang saya kata memomok-momokkan. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, ada ramai juga bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan kepada Clauses 26 dan 27 dalam Bill ini. Now increase in the number of judge—not the individual or the names of the judges—should be the concern of the Lord President and the Chief Justice who know much better than the Honourable Member for Kepong or the Honourable Member for Kota Melaka as to how many judges are required. The proposed amendment is nothing more than to enable a flexibility of methods in the increase of the number of judges by decision of the judicial authorities requesting for the increase of their own number. This

procedure could not be regarded as undermining the independence of the Judiciary, any more than the appointment of judges made on the advice of the Prime Minister.

Ini satu lagi momokan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya—independence of this House, independence of the Judiciary. Apa independence yang terlibat di sini, menentukan berapa hakim patut ada daripada 8 tambah 10; tambah 12. Apa benda yang melibatkan kebebasan hak Dewan yang mulia ini? Bagaimana dia memomok-momokkan. Itu sebenarnya saya katakan samada Ahli Yang Berhormat di hadapan saya itu tidak membacanya dan memahami sepenuhnya ataupun memang cuba sengaja memomok-momokkan kita semua dan nasib baik kita semua cukup umur (*Ketawa*). Itu tujuannya. Adakah tiap-tiap kali negara kita daripada setahun demi setahun makin maju, makin banyak perkara, makin banyak kes. Tiap-tiap kali hendak tambah seorang hakim amend the Constitution, amend the Constitution kerana tambah seorang hakim lagi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka; Ahli Yang Berhormat dari Kepong kata lagi, tiap-tiap hari asyik pinda Perlembagaan. Tujuan ini ialah hendak menyenangkan daripada tiap-tiap kali kita hendak tamhahkan hakim, kita datang ke Dewan ini, kita berikan kuasa itu kepada Yang di-Pertuan Agong, apa yang terlibat mengenai kebebasan, kemuliaan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi pandangan berkenaan dengan Clause 28 dalam Bill ini, sungguhpun perkara ini telah disebutkan oleh rakan saya Menteri Undang-undang. Now this amendment is nothing more than to declare. Saya tarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat semua kepada pernyataan di situ. Article 125A (1):

"Notwithstanding anything contained in this Constitution, it is hereby declared . . ."

Bukan perkara baru. Ini perkara memang sudah jadi bertahun-tahun. Bagi hendak mengelakkan salah faham dan mencetuskan lagi jangan bersalah faham, maka digunakan "it is hereby declared". Kalau kita tengok di dalam Perlembagaan yang dahulu, peruntukan yang dahulu benarkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian peruntukan Fasal 125 (10) yang kita pinda pada tahun 1966. Saya bacakan:

"A judge of the High Court who is appointed to be a judge of the Federal

Court shall cease to be a judge of the said High Court;

Provided that any such judge of a High Court who is so appointed shall continue to be a judge of such High Court for the purpose only of giving judgment in any case tried by him prior to his appointment as a judge of the Federal Court."

Kuasa ini memang sudah ada. Dan bagaimana yang diterangkan oleh Menteri Undang-undang tadi, dan disebut, dibutirkan Judges Federal Court yang mengambil cases ini di High Court. Berapa cases yang diambil. Benda itu berjalan sekarang. Itu tidak unconstitutional. Ini cuma hendak menerangkan lagi. Sebab perkataan yang dikatakan di situ "is declared". Kalau adapun berbeza sekarang, Lord President pun boleh jadi a Judge of the first instance. Dahulu Federal Judges semua ada, boleh. Kalau adapun perbezaan ditambah Lord President boleh mengambil cases of the first instance in the High Court. Ini bukan suatu perkara baharu. Bukan mengambil hak yang telah ada. Dan saya hendak menegaskan di sini, ini tidak ditujukan kepada siapa-siapa pun, walaupun ada kes, yang masih belum dibicarakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu berasa marah kalau datang tuduhan kepada kita sebagai wakil rakyat yang sedikit sebanyak ada akal fikiran dan tanggungjawab serta timbang rasa takkan dengan sewenang-wenangnya kita meminda Perlembagaan kita kerana satu perkara, satu kes. Mustahil. Kalau saya pun hendak berbuat begitu, barangkali tentu Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak bersetuju. Kalau itu tujuannya. Tujuannya tidak sekali-kali begitu. Dan ada Ahli Yang Berhormat dari Payang menyatakan—saya bersetuju sangat Ahli Yang Berhormat dari Payang dan saya mengucapkan terima kasih—kenapa kita ada Borneo, kerana kita ada Semenanjung, kenapa tidak hendak disatukan. Ini ialah langkah yang pertama. Kita berharap pada suatu masa, court kita hanya satu, iaitu yang dikatakan Court Malaysia. Tidak dipecah-pecahkan, diadakan Chief Justice daripada Sabah dan Sarawak; Chief Justice dari Semenanjung. Ini permulaan kita berunding daripada satu masa kesatu masa bagi hendak menuju ke matlamat itu. Dan saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Payang itu dan mudah-mudahan Tuhan panjangkan usianya. (*Ketawa*). Kita tidak boleh membuat demikian pada masa ini.

It is desirable, no doubt, but cannot be effected unless drastic changes are made in the structure of the Judiciary. That is why we cannot do it at the moment because there will be a lot of drastic changes to the set-up of the Judiciary.

Saya suka menyebut di sini iaitu this statement is nothing more than to declare the present legal position and this was not a recent invention but had been settled almost two years ago. The amendment will not prejudice any case at all, whether *sub judice* or otherwise.

Previously a judge of a High Court on being appointed a judge of the Federal Court was prohibited from exercising his jurisdiction as a judge of the High Court except to finish his part-heard cases which he had heard before his appointment to the Federal Court. This prohibition was removed by an Amendment Act, No. 31 of 1971 and back-dated to 19th November, 1966. As a result of the lifting of this prohibition, it would mean that a judge of the Federal Court is not prevented from hearing any High Court case. This amendment, therefore, is nothing more than to give an express declaration to that position. Now I stress this thing because so much emphasis has been given and so much meaning and implication had been suggested to this Clause. In the end, what is the meaning of a High Court? A High Court is a court presided by a judge, one judge. It makes no difference whether the judge is designated a Federal judge or a High Court judge. What difference does it make? When we talk of a High Court judge, it means one judge. Similarly, a Federal Court is a court with 3 judges or 5 judges as the case may be. The designation of these judges make no difference; their numbers are important in giving the necessary jurisdiction. What difference does it make whether a judge who sits in the Court of the first instance, in the High Court is a Federal judge or a High Court judge? It is, therefore, not true to say that this amendment is an attempt, as has been alleged and seriously alleged, to cure the defect of any *sub judice* proceedings.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berkenaan dengan Clause 30 di dalam pindaan ini.

Perhaps many Honourable Members in this House are not aware that public servants

